


Jilid I  
Bil. 2



Hari Selasa  
7hb Januari, 1975

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KEEMPAT**

*Fourth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 97]**

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong [Ruangan 112]**

MALAYSIA

PARLIMEN YANG KEEMPAT—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL PERTAMA

---

Hari Selasa, 7hb Januari, 1975

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR :**

Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S.O.K. UBaidULLA, P.S.M.,  
D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).

„ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N.  
(Dilantik).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI  
ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar,  
TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).

„ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).

„ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).

„ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).

„ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).

„ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).

„ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).

„ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).

„ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera  
(Dilantik).

„ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).

„ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

„ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).

„ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).

„ TUAN KAM WOON WAH (Dilantik).

Yang Berhormat DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).  
 „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).  
 „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB (Kelantan).  
 „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).  
 „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).  
 „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., S.M.P., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).  
 „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).  
 „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).  
 „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).  
 „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).  
 „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).  
 „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).  
 „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).  
 „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).  
 „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).  
 „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).  
 „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).  
 „ DATUK SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).  
 „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).  
 „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).  
 „ DATUK WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).  
 „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.M.K., A.K. Datuk Kaya Pati (Dilantik).  
 „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

**YANG TIDAK HADIR :**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).

- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).  
 „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).  
 „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P. (Perak).  
 „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).  
 „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).  
 „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).  
 „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

## YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y. M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR S.D.K. (Kota Star).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### PESAKIT-PESAKIT LUAR—RAWATAN

**1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Kesihatan menyatakan berkenaan Hospital Besar, Kuala Lumpur :

- (a) bilangan purata pesakit-pesakit luar yang dirawat tiap-tiap hari;
- (b) bilangan purata pesakit-pesakit yang dimasukkan ke dalam wad tiap-tiap hari;
- (c) bilangan purata setiap hari bagi wanita-wanita yang bersalin; dan
- (d) bilangan purata setiap hari bagi pesakit-pesakit yang mati.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan purata pesakit-pesakit luar yang dirawat tiap-tiap hari ialah 1,450 orang.
- (b) bilangan purata pesakit-pesakit yang dimasukkan ke dalam wad tiap-tiap hari ialah 184 orang.
- (c) bilangan purata setiap hari bagi wanita-wanita yang bersalin ialah 34, dan
- (d) bilangan purata setiap hari bagi pesakit-pesakit yang mati ialah 6.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Soalan tambahan. Adakah pernah berlaku bahawa ada pesakit-pesakit itu ditolak oleh kerana tiada tempat atau keadaan-keadaan yang memaksa ditolak daripada penerimaan?

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu tidak pernah berlaku.

#### JALANRAYA DAERAH SARAWAK

**2. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilakah semua daerah di Sarawak dapat dihubungi dengan jalanraya.

**Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu awal untuk menentukan masanya bilakah semua daerah-daerah di Negeri Sarawak dapat dihubungi dengan jalanraya memandangkan penyiapan jalan-jalan yang dirancangan adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti soal kewangan, tenaga pekerja dan jentera-jentera.

Walau bagaimanapun, sistem jalanraya (trunk road) yang pertama yang menghubungkan Bahagian-bahagian Pertama, Kedua, Ketiga dan Keenam dengan Bahagian ke Empat di Sarawak adalah dijangka dapat disiapkan dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga. Sementara itu sistem jalanraya (trunk road) yang kedua yang sedang dirancangan untuk dibina yang mana apabila siap akan menghubungkan Bahagian-bahagian Kelima dan Ketujuh Sarawak dengan bahagian-bahagian lain di negeri itu adalah dijangka dimulakan pembinaannya dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan siapnya kedua-dua sistem jalanraya yang besar itu jika tidak semua maka kebanyakan daerah-daerah di seluruh Negeri Sarawak akan dapat dihubungi dengan jalanraya.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat memberi tahu kita masa yang tepat, bolehkah Yang Berhormat memberitahu lebih kurang—10 atau 15 tahun lagi?

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, masalah ini bergantung kepada faktor-faktor kewangan, soal tenaga pekerja dan jentera-jentera. Setakat ini dengan dukacitanya, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat saya katakan lebih kurang bila masanya yang tepat.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan saya ingin membuat soalan tambahan iaitu sepanjang masa melaksanakan jalanraya di Sarawak, adakah terdapat gangguan-gangguan daripada anasir-anasir yang kurang baik dan kurang sihat sebagaimana terjadi di Semenanjung Malaysia?

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya, tidak. Saya fikir soalan tambahan itu kurang berkaitan dengan soalan asal.

## SUBSIDI BERAS/GULA/TEPUNG

**3. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan sebagai subsidi terhadap beras, gula dan tepung.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, pemberian subsidi secara langsung dan tidak langsung oleh Kerajaan terhadap beras, gula dan tepung adalah berjumlah sebanyak \$225,759,000 iaitu \$147,157,500 bagi beras, \$63,000,000 bagi gula dan \$15,601,500 bagi tepung.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Dalam subsidi yang telah diberikan oleh Kerajaan sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baharu sebentar tadi, dapatkah Kementerian ini memberikan satu jaminan bahawa harga-harga barang keperluan ini tidak akan naik lagi, terutama sekali dalam masa kita hendak menghadapi Tahun Baru China ini.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak dapat apa-apa cadangan dari syarikat-syarikat yang berkenaan berkaitan dengan kenaikan harga beras, tepung ataupun gula.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, dapatlah dipercayai bahawa harga gula, beras dan tepung tidak akan naik pada masa akan datang.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, dengan dukacitanya saya tidak boleh memberi satu jaminan seperti ini oleh kerana keadaan boleh bertukar-tukar dalam masa akan datang. Saya tidak berani memberi satu jaminan.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa setakat ini syarikat-syarikat yang berkenaan itu tidak ada membuat permohonan untuk menaikkan harga. Kalau mereka mengemukakan permohonan untuk menaikkan harga, adakah Kementerian ini bercadang hendak menimbangkan permohonan itu atau menolaknya.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soal ini pada fikiran

saya tidak ada berkaitan langsung dengan soalan asal, jikalau satu pihak membuat satu rayuan ataupun permohonan kepada Kerajaan, maka Kerajaan mesti menimbangkan permohonan itu. Samada menerima ataupun menolak adalah satu keputusan yang "theoretical" setakat ini.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan saya itu tak berkait tetapi jawapannya telah mengaitkan beberapa soalan tambahan. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu beras, gula, tepung yang kalau sekiranya ditimbangkan atau ditolak, adakah Kerajaan bersedia untuk menambah subsidi yang telah berjumlah \$225 juta itu?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum satu strategi yang diambil oleh Kerajaan ialah supaya menstabilkan harga-harga barang-barang keperluan. Inilah satu strategi yang dipegang kuat oleh Kerajaan dan Kerajaan sentiasa sedar bahawa harga-harga barang-barang keperluan mesti dapat distabilkan.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Soalan tambahan. Saya hendak mengetahui sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana dalam soalan ini dan juga dalam jawapannya tidak dinyatakan tarikh bilakah jumlah subsidi yang telah dikeluarkan ini, samada dalam setahun, sebulan ataupun bagaimana. Saya hendak dapat mengetahui adakah jumlah yang \$225 juta ini dalam masa setahun yang bererti akan berulang lagi tiap-tiap tahun ataupun dalam masa beberapa bulan lagi.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang saya terangkan tadi ialah jumlah daripada tarikh mula subsidi yang berkenaan diberikan.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Jadi ini bererti tahun 1975 lebih dari ini, kerana barangkali subsidi mulai diberi bukan awal tahun 1974, bukankah begitu Yang Berhormat?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi tahun ini subsidi akan bertambah banyak lagi.

## GURU-GURU KATEGORI B 1—TARAF

**4. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan Kesatuan Guru-guru tidak menerima cadangan Kerajaan bagi menaikkan taraf guru-guru dalam kategori B1 ke Tingkatan Khas tetapi kemudiannya mencadangkan satu cadangan lain kepada Y.B. Menteri Pelajaran dan beliau telah berjanji akan mengkaji hal ini, bilakah keputusan itu akan diumumkan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada kenaikan taraf guru-guru dalam Kategori B1. Saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai keputusan Kerajaan untuk mengadakan peringkat Tingkatan Khas dalam Sekim Perkhidmatan Guru-guru Kategori B1. Kementerian baru sahaja selesai mengumpul butir-butir mengenai guru-guru dalam kategori ini untuk membolehkan rundingan semula dengan Jabatan Perkhidmatan Awam yang akan diadakan tidak berapa lama lagi bagi mencapai keputusan mengenai tuntutan dari Jawatankuasa Bertindak Kebangsaan Kesatuan-kesatuan Guru Malaysia Barat itu.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan bilakah boleh selesai hal ini. Adakah dua tahun atau tiga tahun?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang dikaji.

## SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL—PEMBINAAN BANGUNAN BARU

**5. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Sekolah-sekolah Tamil di Sungei Pari, Ipoh, Ayer Tawar, Tanjong Malim dan Bidor akan diperbaiki dan dibina semula sesuai kerana ada peruntukan bahawa semua sekolah-sekolah yang buruk akan diperbaiki dan dibina semula di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan bangunan-bangunan baru bagi menggantikan sekolah-sekolah yang buruk adalah bergantung kepada keperluan, keutamaan, dan peruntukan pembangunan.

Semua permohonan supaya sekolah-sekolah yang buruk diperbaiki dan dibina semula adalah dipertimbangkan bersama-sama dengan permohonan-permohonan lain, bukan sahaja bagi sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil bahkan juga bagi sekolah-sekolah rendah yang lain, dan bukan sahaja bagi sekolah-sekolah sesebuah negeri tetapi juga bagi sekolah-sekolah di seluruh Semenanjung Malaysia. Setelah dipertimbangkan dari semua segi adalah didapati hanya permohonan bagi membina bangunan baru untuk menggantikan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Bidor mendapat keutamaan dan Kementerian Pelajaran telah meluluskan bangunan baru baginya pada tahun 1975. Bagi Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Jalan Sungai Pari, Ipoh, Ayer Tawar dan Tanjong Malim, ianya tidaklah begitu mendesak dan akan dipertimbangkan bagi tahun-tahun kemudiannya.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Sekolah-sekolah Tamil di dalam estet-estet tersangat-sangat buruk macam bangsal, tetapi tidak ditimbangkan sudah beberapa lama. Apakah sebabnya?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah di dalam ladang-ladang itu pun dalam pertimbangan juga.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran baharu sebentar tadi saya berasa lega bahawa bangunan pertama akan digantikan pembinaannya dengan bangunan-bangunan baru. Saya hendak tahu bangunan-bangunan baru yang akan didirikan kelak adakah bangunan ini mengikut polisi sekarang, iaitu bangunan yang mengutamakan kayu daripada batu.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara untuk menggantikan bangunan dengan kayu-kayan adalah dalam kajian Kementerian Pelajaran juga.

**Dr Lim Keng Yaik:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan ini di mana sekolah yang sudah masuk dalam senarai kondem oleh J.K.R., pihaknya ada mengambil tindakan untuk membaiki atau membina sekolah yang baru.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya telah jawapkan tadi iaitu untuk membaiki sekolah-sekolah atau membinakan sekolah-sekolah baru tentulah mengikuti keutamaan dan peruntukan pembangunan dan keperluan juga. Jadi ketiga-tiga perkara ini mestilah ditimbangkan dahulu sebelum kita dapat mengadakan sekolah-sekolah baru itu.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi sekolah-sekolah ini telah dicondemn oleh J.K.R. Kalau ada berlaku apa-apa accident, saya ingat ini termasuk tanggungjawab Kerajaan, ini adalah amounting to negligence.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh memberitahu dengan "specific" sekolah-sekolah itu, barangkali saya boleh memberi keutamaan bagi sekolah-sekolah itu.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi jawapan, tetapi jawapan seperti ini kita selalu dengar (*Ketawa*). Di seluruh Malaysia 60 peratus daripada ladang-ladang getah mempunyai bangunan-bangunan sekolah yang buruk, kadang-kadang bila hujan lebat dan angin kuat bangunan itu tentu roboh. Adakah Menteri selalu melawat sekolah-sekolah yang seperti itu. Sebagai satu contoh, ada sebuah sekolah di Ayer Tawar. Bangunan sekolah itu bukan bangunan Kerajaan, samada bangunan itu kepunyaan masjid atau sesiapa pun saya tidak tahu. Saya ada pergi dua kali meeting di dalam bangunan itu. Pada waktu murid-murid sekolah sedang belajar kalau tiba hujan, tentu mereka lari (*Ketawa*). Dua puluh tempat di bangunan itu bocor. Kalau Menteri-menteri ada melawat tempat itu, baharu dia boleh memberi jawapan yang sepatutnya. Enam puluh peratus sekolah-sekolah Tamil rosak. Perkara ini telah selalu dibangkitkan; sudah 10 tahun. Saya tahu bahawa kawasan Bidor itu adalah kawasan saya. Saya selalu menulis sampai sekarang pun belum siap. Saya masuk di sini tahun 1969 dan minta pada tahun 1970 tetapi sekarang sudah tahun 1975.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, apakah soalnya? (*Ketawa*).

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Saya hendak mendapat jaminan di Dewan yang mulia ini bilakah boleh siap, dan tadi Yang Berhormat

Dr Lim Keng Yaik pun ada berkata bahawa P.W.D. sudah condemn sekolah-sekolah itu, tetapi ada murid-murid belajar di dalamnya.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan diambil perhatian oleh Kementerian saya kelak.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Rakan saya itu mengatakan sekolah Tamil bocor, orang lari. Kambing pun lari. Memang betul begitu keadaan sekolah-sekolah yang di dalam estet-estet. Ada satu estet yang bernama Tuan Mee Estate, sudah tiga tahun lamanya diminta tetapi tidak dapat juga lagi. Kalau hendak buat regroup estate, regroup school, bila lagi? Maka dengan sebab itu betullah apa yang dikatakan oleh rakan saya di sebelah sana bahawa sekolah-sekolah dalam estet kurang jagaan. Betulkah begitu?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, memang sekolah-sekolah di dalam ladang-ladang itu ada kurang jagaan. Saya ingat bukanlah bagi pihak Kementerian sahaja yang bertanggungjawab, tetapi pihak management estet itu juga mempunyai tanggungjawab sedikit, sebab mereka mendapat keuntungan yang besar di dalam perusahaan getah. Tetapi walau bagaimanapun Kementerian saya akan cuba sedaya-upaya dan seperti apa yang disebutkan oleh saya tadi tentulah kita mengikuti keutamaan, peruntukan dan keperluan. Ini tiga perkara kita mesti timbangkan. Walau bagaimanapun, kalau ada kes-kes yang serious itu, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Senator-senator adalah bertanggungjawab juga untuk memberikan maklumat berkenaan dengan sekolah-sekolah yang sangat buruk itu kepada Kementerian saya dan Kementerian saya akan cuba mengatasi perkara ini.

#### SETINGGAN-SETINGGAN DUDUKI TANAH KERAJAAN

**6. Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) samada tinjauan telah dijalankan untuk menentukan jumlah bilangan setinggan-setinggan dan keluarga mereka yang telah menduduki tanah Kerajaan Negeri secara haram di beberapa bandaraya atau kawasan Majlis Bandaran di semua Negeri dalam Malaysia Barat;

- (b) samada sebarang rancangan lengkap atau sekim telah dirancangkan oleh berbagai pihak-berkuasa Negeri untuk menyusun semula kawasan perumahan setinggan-setinggan secara radikal dan aman dengan peringkat-peringkat di mana yang boleh, supaya setinggan-setinggan ini mempunyai jalan memilih atau keluar—diberikan tanah untuk membina pondok-pondok baru, atau diberi rumah harga murah atau di tempatkan semula di beberapa rancangan-rancangan tanah yang disediakan di bawah rancangan 5-tahun Malaysia yang kedua; dan
- (c) sebab-sebab kegagalan di pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak-berkuasa-pihakberkuasa tempatan yang berkenaan untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai dan cekap untuk menghindarkan penduduk-penduduk dari mendirikan pondok-pondok haram di atas tanah Kerajaan Negeri pada permulaannya melainkan mengambil tindakan yang keras untuk merobohkan pondok-pondok itu setelah diduduki beberapa tahun oleh setinggan-setinggan.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Tinjauan mengenai setinggan-setinggan telah dijalankan di Negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Wilayah Persekutuan. Di lain-lain negeri, tinjauan tersebut belum lagi diadakan oleh sebab negeri-negeri tersebut tidak mempunyai masalah setinggan-setinggan atau pun masalah tersebut tidaklah begitu serious.
- (b) Pada amnya, boleh dikatakan bahawa di mana yang dapat Kerajaan-kerajaan Negeri telah menempatkan semula setinggan-setinggan atau memperuntukkan tempat kediaman gantian kepada mereka dan juga membayar bayaran ganti rugi yang mencukupi. Masalah-masalah setinggan hanya dapat diatasi dengan memperuntukkan rumah-rumah murah yang cukup dan rancangan-rancangan rumah murah sedang giat diaturkan oleh negeri-negeri yang berkenaan.

(c) Kegagalan ini jika ada adalah disebabkan oleh:

- (i) kekurangan kakitangan untuk menguatkuasa;
- (ii) langkah-langkah mencegah pembinaan rumit dijalankan semasa awal sebab pembinaan dijalankan pada waktu malam atau waktu cuti am. Pembinaan pula mengambil masa yang amat singkat (sebuah rumah boleh disiapkan dalam masa satu malam) dan apabila Kerajaan sedar tentangnya, pondok-pondok tersebut telah pun didudukinya.

Kerajaan sedar yang setinggan adalah merupakan masalah yang rumit. Ianya merupakan masalah sosial dan kemanusiaan. Pada amnya ada dua kategori setinggan, iaitu—

- (a) Setinggan-setinggan yang telah menetap di satu-satu tempat. Tindakan terhadap mereka sedang dikaji;
- (b) Setinggan-setinggan yang baru. Tindakan secara terus dengan merobohkan rumah-rumah mereka telah dan sedang diambil.

Ingin saya menerangkan juga bahawa kebanyakan daripada setinggan-setinggan ini telah dipengaruhi oleh sindiket-sindiket yang telah membuat jaminan-jaminan palsu kepada mereka dan seterusnya mengaturkan pembinaan rumah-rumah tersebut.

**Dr Lim Keng Yaik:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar atau tidak di dalam masalah setinggan ini ada beberapa orang yang mengambil kesempatan, iaitu oportunist dan kapitalis menggunakan keadaan ini untuk mendapat keuntungan, dan apakah tindakan untuk mengasingkan masalah setinggan dan masalah oportunist ini?

**Datuk Ong Kee Hui:** Seperti kata saya di akhir jawapan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan kebanyakan daripada setinggan-setinggan ini telah dipengaruhi oleh sindiket-sindiket seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan kerana itulah kita terpaksa merobohkan rumah itu supaya sindiket-sindiket itu boleh dipecahkan.

**Puan Rafidah Aziz:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian yang berkenaan mengumpulkan dan juga menyimpan rekod-rekod yang kemas-kini (up-to-date) mengenai bukan sahaja jumlah, tetapi juga maklumat-maklumat socio-ekonomi tentang setinggan di satu-satu kawasan supaya kita tahu bukan sahaja mobiliti atau kandungan di dalam kawasan setinggan tadi, tetapi juga mengetahui samada kawasan itu melindungi orang-orang yang tidak diingini seperti orang yang merbahaya kepada masyarakat?

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri, tetapi Kementerian saya telah berhubung dengan tiap-tiap negeri supaya ada butir-butir yang lanjut seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat telah menjayakan rancangan-rancangan rumah murah. Sungguhpun ada rancangan-rancangan rumah murah yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, tetapi sampai hari ini belum juga dapat orang-orang miskin atau setinggan rumah ini. Pihak kapitalis-kapilalis yang dikatakan housing developers untung dan terus untung beberapa tanah yang di tepi-tepi pekan ataupun lima, sepuluh batu daripada pekan telah dibuat rancangan-rancangan perumahan dan mereka mendapat untung yang banyak. Mereka ini patut sangat bekerjasama dengan Kerajaan Federal ataupun Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri atau Pusat hendaklah membuat satu undang-undang mengatakan jikalau dia membuat rumah sekurang-kurangnya 10% daripada rumah-rumah yang dibuat oleh syarikat perumahan ini mestilah diperuntukkan kepada setinggan-setinggan yang berhampiran dengan tempat itu. Adakah dibuat cara ini atau tidak, atau akan dibuat secara begini?

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat saya akan sampaikan syor-nya kepada rakan sejawat saya Menteri Perumahan.

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum

tindakan diambil tentang setinggan-setinggan ini berapa lama tempoh akan diberi kepada orang yang berkenaan untuk pindah?

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, tolong ulang lagi sekali.

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Sebelum tindakan diambil tentang squatters itu berapa lama tempoh untuk pindah (period of grace) akan diberi kepada orang-orang yang berkenaan?

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, notis yang diberi pada pendapat saya selalunya cukup. Pada dasarnya Kerajaan tidak akan merobohkan rumah setinggan-setinggan jikalau tidak ada tempat yang boleh diberi kepada orang yang rumahnya kena roboh.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan saya ingin membuat satu soalan tambahan. Dalam langkah Kerajaan Negeri Johor mengambil tindakan merobohkan rumah-rumah di Tasik Utara yang masyhor itu, adakah langkah ini disertai atau ada kerjasama daripada Kementerian ini?

**Datuk Ong Kee Hui:** Kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri memang bekerja rapat dengan Kementerian saya.

## JUDI HARAM

7. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa main judi haram dijalankan lebih bermaharajalela di beberapa bandar dan kampung di seluruh negara di kalangan sebahagian kaum, khasnya pada masa perayaan dan pada malam-malam upacara sembahyang ke atas kematian taukeh-taukeh China kaya; dan
- (b) jika ya, samada beliau akan mengambil langkah-langkah yang keras dan berkesan untuk mencegah dan menghapuskan amalan buruk masyarakat ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua, meskipun tidak dapat

dinafikan adanya perjudian berlaku di waktu perayaan-perayaan, terutama sekali perayaan Tahun Baru China, tetapi bagi pihak Polis tidak pula mendapati apa yang dikatakan perjudian yang bermaharajalela seperti soalan Ahli Yang Berhormat ini. Bagaimanapun pihak Polis dan Kerajaan akan mengambil tindakan yang keras dan berkesan di masa yang akan datang bagi mencegah adanya perjudian-perjudian seperti yang dipersoalkan itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa amalan berjudi di masa-masa yang ada dalam soalan ini—hari kematian, Hari Raya bagi orang-orang China adalah menjadi adat resam mereka. Dengan adanya menjadi adat resam mereka adakah Kementerian ini boleh mengecualikan pada hari yang tersebut kepada mereka yang bermain judi ini?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya tidak ada undang-undang yang mengecualikan seseorang itu boleh bermain judi atau dihalalkan perjudian di waktu-waktu perayaan seumpamanya.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menghormati adat resam sesuatu kaum dan memelihara kebudayaan patutlah Kementerian ini memikirkan bahawa hari yang tersebut itu kita jadikan hari kelepasan bagi rakyat seperti orang China. (*Ketawa*).

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menghormati adat resam dan kebudayaan sesuatu kaum di dalam negara kita ini, tetapi adat resam atau kebudayaan yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak atau moral yang membawa akibat yang buruk, maka itu tidak dapat dibenarkan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perjudian pada masa itu tidak akan meruntuhkan akhlak dan tidak merosakkan apa-apa keamanan, sebab cuma satu hari sahaja dia berjudi. Bolehkah Kementerian ini memikirkan dan mengkaji semula bagi dipertimbangkan?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kemungkinan untuk memikirkan soal ini.

**Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed:** Jawapan Yang Berhormat Menteri tadi adakah termasuk juga Sabah? (*Ketawa*).

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang di dalam negara kita ini memang meliputi seluruh Malaysia.

**Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sepanjang yang saya tahu perjudian di Sabah agak merebak.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, seperti jawapan saya pada awal tadi, saya tidak menafikan adanya perjudian yang berlaku di waktu-waktu perayaan Tahun Baru China, terutama sekali dan juga hari kematian taukeh yang kaya yang menjadi adat resam orang-orang China, tetapi seperti yang saya katakan tadi yang bermaharajalela itu, ini tidaklah berlaku sepanjang pengetahuan Polis, tetapi kalau ada kejadian yang bermaharajalela ini memanglah tindakan diambil oleh pihak yang berkenaan.

**Dr Lim Keng Yaik:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan tahu di dalam masaalah itu ada beberapa kali ada orang yang masuk main-main, tetapi tidak main judi dan ditangkap oleh Polis yang berkenaan?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, istilah perjudian ini menurut apa yang saya tahu kalau sudah ada pertaruhan, bukan sahaja menggunakan wang, malah dengan semangkuk kopi, itu dikatakan perjudian.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:** Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab akan mengambil tindakan terhadap pemain-pemain judi ini, tetapi ingin saya tahu bilakah masanya kerana sekarang makin bermaharajalela? Bila diadakan perayaan-perayaan itu judi inilah diletakkan simbol yang pertama sekali.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah jawab soalan ini. Kerajaan dan pihak Polis akan mengambil tindakan dalam hal ini. Barangkali soalan yang ditimbulkan oleh Ahli

Yang Berhormat kerana Tahun Baru China akan sampai tidak lama lagi, dan saya beri akuan yang pihak Polis sentiasa mengambil perhatian dalam hal ini.

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa orangkah pemain-pemain judi yang telah ditangkap pada masa-masa yang lepas, dan berapakah jumlah wang denda yang telah dipungut oleh Mahkamah?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Sukar saya hendak menjawab sekarang ini, tetapi kalau Yang Berhormat berkehendakkannya, bolehlah dibuat notis pada masa yang akan datang.

## PEJABAT PENERANGAN MALAYSIA DI SEBERANG LAUT

8. **Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed** minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapa buah pejabat-pejabat penerangan Malaysia di luar negeri, dan berapa ramai pegawai dan kakitangannya. Berapa orang dari mereka warganegara Malaysia dan berapa orang bukan warganegara Malaysia yang bekerja di pejabat-pejabat penerangan itu. Berapa banyakkah pula buku-buku terbitan Malaysia dalam perpustakaanannya.

**Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithauden Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak mempunyai pejabat-pejabat Penerangan di seberang laut, tetapi di tiap-tiap satu dari tiga puluh sembilan perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut adalah terdapat satu bahagian penerangan. Enam belas daripada perwakilan-perwakilan itu mempunyai bahagian penerangan yang diketuai oleh Attache-Attache Penerangan. Di dalam dua puluh tiga perwakilan kita yang ada mempunyai Attache-Attache Penerangan, kerja-kerja berhubung dengan penerangan dijalankan oleh pegawai-pegawai diplomatik, disamping tugas-tugas diplomatik mereka.

Attache-Attache Penerangan ini atau pegawai-pegawai seumpama mereka itu adalah dibantu oleh pegawai-pegawai tempatan seperti pembantu-pembantu penerangan dan kerani-kerani am, penterjemah-penterjemah dan jurutaip-jurutaip. Kesemua 39 orang

pegawai diplomatik dan pegawai penerangan yang bertugas dari Malaysia adalah warga-negara Malaysia. Pekerja-pekerja tempatan adalah kebanyakannya terdiri daripada warga-negara tempatan masing-masing atau penduduk-penduduk tetap di negara-negara tersebut kecuali di beberapa tempat seperti London di mana terdapat beberapa orang warga-negara Malaysia yang diambil bekerja sebagai pekerja-pekerja tempatan. Di antara 55 orang pekerja tempatan hanya sebanyak 12 orang sahaja terdiri daripada warga-negara Malaysia. Perpustakaan yang dikendalikan oleh perwakilan Malaysia adalah untuk rujukan sahaja dan kemudahan pinjaman tidak diberi. Walau bagaimanapun, perpustakaan ini adalah sederhana besarnya mengandungi dua hingga lima ratus buku—kecuali di perwakilan kita yang besar seperti di London dan Washington di mana perpustakaan yang lebih besar dikendalikan. Sebahagian besar penerbitan Kerajaan yang penting terdapat di perpustakaan-perpustakaan ini dan begitu juga buku-buku rujukan asas mengenai Malaysia, surat-surat khabar dan majallah-majallah Malaysia. Bahagian Penerangan di Kementerian Luar Negeri menerbitkan Foreign Affairs Malaysia, Malaysian Panorama, Malaysia in Brief, Malaysian Digest dan terbitan lain yang terdapat di perpustakaan-perpustakaan di perwakilan Malaysia di seberang laut.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah

Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat" (6hb Januari, 1975).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Oleh kerana Yang Berhormat telah mengambil cukup masa pada hari semalam, saya syorkan Yang Berhormat bercakap dalam 10 minit sahaja.

*Perbahasan disambung semula.*

3.15 ptg.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Semalam saya telah bercakap. Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya menyambung balik, tidak panjang, cuma setengah jam sahaja iaitu berkenaan bekas-bekas asykar.

Tentera atau asykar kita telah berjuang untuk mempertahankan negara kita di waktu dharurat sampai hari ini. Tetapi pada masa dahulu bekas-bekas asykar ini apabila habis tempoh perkhidmatan, apa yang dibuatnya ialah menjadi jaga di bank-bank swasta. Ada seorang jaga iaitu di Overseas Chinese Bank apabila saya bertanya kepada Manager bank tersebut, mana dia bumiputra yang terdiri daripada bekas-bekas asykar dan apa kerjanya? Ditunjuknya orang yang menjadi jaga. Itulah kerja bekas-bekas asykar kita iaitu diberi kerja sebagai jaga. Sedangkan mereka telah menjaga negeri ini daripada penjahat-penjahat atau pegganas-pegganans kominis. Kalau tidak ada asykar-asykar ini, barangkali sudah lama negeri ini telah habis disapu oleh kominis. Oleh kerana Kerajaan kita bersandar kepada asykar-asykar ini, maka patutlah bekas-bekas asykar ini dilayan dengan sebaik-baiknya kerana mereka itu telah menyumbangkan tenaga dan telah berkorban nyawa. Misalnya Kerajaan mestilah menubuhkan syarikat gergasi khusus untuk bekas-bekas asykar, boleh menjual kapalterbang-kapalterbang, kapal perang navy dan membuat uniform-uniform asykar.

Sekarang ini ada orang-orang kapitalis di dalam negara kita melobby untuk menjual kapalterbang, atau kapal navy untuk jual dan mendapat keuntungan yang besar kepada navy, tetapi mengapa tidak diberi kepada syarikat bekas-bekas tentera, sedangkan mereka telah berjasa kepada negara ini dan kalau diberi sudahtentu mendapat untung, mereka mendapat faedahnya. Jadi apakah sebabnya mereka ini tidak boleh diberi?

Berapa banyak uniform-uniform, songkok-songkok ataupun kasut-kasut yang telah dibuat untuk kegunaan asykar pada tiap-tiap tahun? Jikalau ada ditubuhkan satu syarikat gergasi bagi bekas-bekas asykar ini, saya yakin dan percaya syarikat ini akan maju-jaya terutama sekali bekas-bekas asykar ini ada disiplin, mereka tidak akan menipu, ataupun menjahanamkan syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dengan pendeknya berhubung dengan Kebajikan Am, Kementerian Kebajikan Am, pada masa dahulu sebelum inflation, bantuan yang diberi kepada orang-orang yang miskin hanya \$5. Begitu juga pada hari ini tidak berubah-ubah iaitu \$5 juga. Kalau ditanya, itu tanggungjawab District, saya tidak campur kata Menteri yang bertanggungjawab. Hendak mendapat \$5; \$10 atau \$15 susahnya tidak boleh cakup. Susah betul hendak mendapatkannya, sedangkan orang-orang ini sudah tua dan permohonan itu akan ditimbang lagi dalam tempoh enam bulan samada dapat atau tidak. Saya sudah bercakap berkali-kali bahawa orang-orang tua yang sudah berumur 60 tahun itu mereka tidak akan menjadi kaya lagi. Mereka cuma menanti masa mati sahaja. Kalau ditimbang pun hanya diberikan \$15 sahaja sebulan. Apa yang hendak dimakan dengan wang sebanyak itu pada hari ini? Jadi, pertolongan samada dari District Welfare Committee, State Welfare Committee, Federal Welfare Committee atau apa committee sekalipun untuk kebajikan, mestilah ditimbang betul-betul kepada orang-orang tua kita ini. Kerana orang-orang ini pun telah berjasa kepada negara ini. Kalau mereka ini dulunya memotong getah di estet-estet, bermakna mereka ini telah berjasa kepada negara iaitu bagi membina negara kita juga. Jika mereka ini dahulunya seorang pekerja lombong atau bekerja di lombong-lombong, mereka juga adalah berjasa kepada negeri kita. Begitu juga jika mereka pekebun sayur, mereka juga berjasa kepada negara kita. Maka tidaklah boleh melayan mereka secara begini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan setinggan-setinggan. Kita telah bercakap berkenaan dengan setinggan-setinggan tadi banyak kapitalis memecah-memecahkan tanah, conversion tanah, dijadikan perumahan untuk mendapat untung sahaja. Mereka telah untung berjuta-juta

ringgit bagi membina rumah-rumah ini. Tetapi adakah mereka ini berfikir setinggan-setinggan yang begitu ramai datang ke Kuala Lumpur yang tidak berumahtangga yang mendirikan rumah-rumah haram? Memang ada setengah-setengah daripada mereka ini menjadi capitalists kecil mendirikan rumah-rumah haram di tanah Kerajaan, itu saya tidak nafikan. Tuan Yang di-Pertua, 90% setinggan ini datang dari kampung-kampung ke Kuala Lumpur, oleh kerana gaji mereka \$3.50 satu hari, bagaimanakah hendak mendirikan rumah? Bagaimana hendak menyewa rumah? Dengan sebab itu menjadi setinggan lebih baik. Adakah difikirkan oleh pihak kapitalis yang mendirikan perumahan ini mendiri rumah-rumah murah supaya dapat dibeli oleh setinggan ini? Langsung tidak. Dengan sebab itu lebih baik Kerajaan Negeri berkerjasama dengan Kerajaan Pusat membuat satu cadangan supaya pada masa yang akan datang, jikalau ada perumahan yang akan didirikan oleh Developer sekurang-kurangnya 10% daripada rumah-rumah yang didirikan oleh developers ini mestilah diuntukkan kepada setinggan-setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap sedikit sahaja berkenaan dengan perumahan ini. Apabila developers ini mendirikan rumah, dia tidak peduli hal parit dan erosion yang mana sungai akan ditimbus oleh tanah. Mereka hendak untung sahaja. Dengan sebab itu, Kerajaan mistilah mengambil perhatian atas perkara ini. Kuala Lumpur telah karam, Kuala Lumpur telah karam satu daripada sebab-sebabnya yang begitu teruk sekali ialah kerana developers. Developers ini ada mendirikan rumah-rumah di Genting Highlands dan lain-lain tempat. Maka apabila hujan lebat air telah melimpah dengan sederas-sederasnya menyebabkan Kuala Lumpur karam pada tahun 1971 yang telah lalu. Dengan sebab itu Kerajaan meminta developers contribution sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungannya untuk membuat parit. Kalau tidak, mereka terus untung tetapi Kerajaan juga akan mengeluarkan wang yang banyak untuk mendalamkan parit dan sebagainya.

Selain daripada itu, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Perang Urat Saraf (Psychological Warfare). Oleh kerana pada hari ini kita adalah menentang kominis di negeri kita ini, dan saya percaya daripada tahun 1946 sampai sekarang kita adalah

menentang kominis. Saya syurkan kepada Kerajaan psychological warfare ini ataupun perang urat saraf mestilah dijalankan kepada orang-orang kampung dan kepada kampung-kampung baru. Apa sebabnya, Tuan Yang di-Pertua? Kominis ini pandai sekali. Kominis mendapat sesuatu negeri bukannya di dalam tempuh 5 atau 10 tahun? Tetapi mereka ini merancang cukup lama. Kalau kita baca sejarah berkenaan dengan Mao Tze-tung mendapat Negeri China, kita tahu daripada Nanking, Mao telah lari dan menyeberang beberapa sungai sampai isterinya mati dipangkuannya, begitu tegasnya ia untuk memperjuangkan fahaman kominis . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan masa sudah cukup. Beri peluang kepada Ahli lain berucap.

*3.36 ptg.*

**Tuan Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih di atas peluang yang berharga ini, dan saya hanya suka menyentuh beberapa perkara dengan masa yang pendek sahaja.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa perbincangan atas Titah Ucapan Di-Raja akan ditamatkan pada hari ini. Oleh kerana itu, saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tolong ringkaskan ucapan masing-masing, dan saya mencadangkan tiap-tiap Ahli boleh bercakap cuma 10 minit sahaja.

**Tuan Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya sudah tahu perkara ini, maka saya hanya mengambil masa yang pendek sahaja.

Yang pertama sekali, saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda di dalam masa membuka Parlimen pada 5hb November, 1974 yang lalu.

Dalam Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu, Baginda telah meletakkan kepercayaan yang begitu besar terhadap Kerajaan yang ditubuhkan setelah pilihanraya yang

baru lalu. Baginda meletakkan kepercayaan ini dan memberikan setinggi-tinggi tahniah kepada kejayaan yang cemerlang yang telah dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, dan Kabinet yang ditubuhkan oleh Yang Amat Berhormat itu dinamakan Kabinet-bertindak (action-oriented) yang saya rasa merupakan satu titik permulaan bagi kita melihat kejayaan-kejayaan yang lebih besar pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah yang berat di hadapan kita ialah masaalah tekanan hidup di dalam masyarakat kita dengan adanya inflasi dan stagflasi, di mana seluruh rakyat kita merasakan akibat-akibat daripadanya. Sekalipun kita tahu bahawa ini bukanlah kehendak daripada Kerajaan yang ada sekarang (Kerajaan Barisan Nasional) tetapi kita yakin dan percaya bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang action-oriented ini akan dapat menghadapi masaalah yang begini berat. Masaalah yang mencabar kehidupan setiap rakyat negara kita, bukan sahaja kita akan menghadapi tekanan-tekanan inflasi, tetapi yang paling bahaya sekali ialah pengangguran yang akan berlaku di negara kita pada masa-masa yang akan datang.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1970 penduduk di negara kita ini ialah kira-kira 10 juta atau 10.8 juta orang dan 60% dari 10 juta ini adalah terdiri daripada belia-belia kita sendiri. Dan setiap tahun jumlah kadar penduduk negara kita ini bertambah 2.7% atau 3% tiap-tiap tahun. Ini merupakan satu tekanan kepada keadaan sosio-ekonomi kita pada masa yang akan datang, dan pertumbuhan belia kita pula yang di bawah umur 25 tahun akan bertambah juga 3% pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, manakala kita melihat bahawa pertambahan ini tidak dapat hendak disekat sekalipun ada rancangan-rancangan keluarga misalnya, tetapi kita terpaksa menghadapi masaalah ini dari tahun ke setahun dan setiap tahun masaalahnya akan bertambah lagi. Pengangguran di Malaysia sekalipun hanya ada 8% sahaja pada tahun-tahun kebelakangan ini, tetapi pengangguran ini lebih jelas kita lihat di dalam kawasan-kawasan bandar di mana pemuda-pemuda dan belia-belia kita menyalurkan mata pencarian memandangkan mata pencariannya itu hanya ada di bandar-bandar.

Dengan adanya penghijrahan pemuda-pemuda dan belia-belia kita daripada kampung-kampung ke bandar-bandar dan ini mengakibatkan pengangguran yang agak tinggi, kerana mereka ini bukanlah semudah yang difikirkannya mendapat pekerjaan di bandar-bandar, maka timbul pada fikirannya untuk membuat rumah-rumah setinggalan atau membuat rumah-rumah haram, kumpulan-kumpulan jahat dan pekerjaan-pekerjaan yang tidak halal dari sudut ugama kita atau dari sudut peri kemanusiaan.

Pengangguran-pengangguran ini akan bertambah dari setahun ke setahun manakala kita melihat sistem pelajaran yang kita adakan sekarang bahawa pada tiap-tiap tahun anak-anak kita banyak yang tidak lulus atau banyak yang keciciran di tengah jalan, atau mereka tidak lulus peperiksaan S.R.P., atau kalau mereka lulus S.R.P. sekalipun dapat melanjutkan pelajarannya ke sekolah yang lebih tinggi atau mencapai S.P.M. atau M.C.E. tetapi banyak daripada jumlah mereka ini akan gagal juga. Jadi pada jumlah-jumlah yang boleh kita cari, boleh kita tengok, maka kita berada di ambang pintu, kita berada di hadapan cabaran yang paling hebat pada masa yang akan datang. Saya tidak nampak suatu jalan yang boleh mengatasi masaalah penambahan pengangguran ini kalau sekiranya kita tidak mempunyai plan atau rancangan jangka panjang di dalam menghadapi masaalah ini. Inilah pokok-pokok yang saya rasa boleh menimbulkan banyak masaalah dalam negara kita ini. Kita akan menghadapi masaalah keruntuhan akhlak, manakala kita tengok anak-anak muda yang tidak lulus S.R.P. umurnya masih dalam lengkongan 15 tahun, meminta kerja tidak dapat, dia hendak mencuci kereta pun tidak tahu, berhijrah daripada kampung ke bandar, manakala sampai di bandar tidak ada jalan lain, melainkan dia mesti masuk ke golongan-golongan yang tidak kita fikirkan menasabah baginya. Mencuci kereta, alhamdulillah, kalau dapat mencuci kereta, tetapi kalau mereka itu menjadi golongan-golongan yang menimbulkan jenayah-jenayah serta masuk ke golongan-golongan gangster, maka ini akan menimbulkan banyak bahaya dan sekarang kita lihat bagaimana pengaruh dadah telah merebak ke dalam masyarakat belia-belia kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya suka menarik perhatian kepada Kerajaan supaya

Kerajaan dapat memandang hal ini sebagai satu masaalah yang sangat serious dan sangat penting, sebab kalau kita bandingkan jumlah pelajar-pelajar yang sampai ke universiti tidak seperti banyaknya jumlah anak-anak kita yang masuk ke sekolah. Semalam anak-anak kita mula masuk ke sekolah hampir sejuta orang, katakanlah, masuk ke sekolah rendah, tetapi apabila sampai 10 atau 15 tahun ke hadapan anak-anak ini tidak sampai sejuta orang yang masuk ke sekolah cuma barangkali 14% sahaja daripada mereka yang sampai ke pengajian tinggi. Kemanakah perginya 900,000 orang lagi? Kemanakah perginya 800,000 orang lagi? Hendak mencari kerja, kerjanya terhad; pelajarannya tidak cukup, maka oleh kerana itu, saya menarik perhatian Kerajaan bahawa dalam zaman sains dan teknologi yang kita kemukakan sekarang ini, Kerajaan hendaklah membanyakkan lagi peluang-peluang bagi pelajar-pelajar kita menjadi ahli-ahli yang berkebolehan, sekalipun tidak sampai ke puncaknya, diadakan sekolah-sekolah vocational yang lebih banyak dan kemudahan-kemudahan kepandaian tangan yang mereka boleh berusaha di atas pengetahuannya yang ada pada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada masaalah bagaimana kita hendak mengatasi problem sosio-ekonomi pada masa ke hadapan ini, Kerajaan telah menyediakan satu rancangan Buku Hijau. Buku Hijau pada dasarnya adalah merupakan pengalihan pandangan daripada bekerja mencari keuntungan dengan menjadi kaum buruh kepada berusaha dengan tenaga sendiri. Kalau rancangan ini berjaya ertinya rakyat dapat menyambut rancangan Buku Hijau. Setiap rumah sekarang ini, setiap tanah yang terluang akan ditanam dan akan melempah-lempahlah hasil tanaman.

Apa akan jadi, kalau sekiranya hasil ini berlempah-lempah sedangkan pasarannya tidak ada. Hasilnya serupa, ada barang dengan tidak adanya pasaran, atau tidak ada barang dengan adanya pasaran—hasilnya serupa, kosong. Ertinya bagi orang yang menanam pokok pisang sampai 10 batang, kemudian setelah 10 batang pokok pisang ini berbuah, dijualnya ke pasar, tidak ada pasaran, serupa juga ertinya dia tidak menanam sama sekali, sebab hasilnya juga tidak ada. Jadi oleh kerana itu, Kerajaan harus menyediakan pasarannya. Kalau rakyat

sudah sanggup membanting tulang, mengalirkan pandangan ke bandar dengan menanam tanaman-tanaman yang menambahkan hasil tanaman mereka, bagi Kerajaan, haruslah menyediakan pasaran dan kalau pasaran ini tidak ada, maka akan gagallah usaha kita dan kalau usaha kita ini gagal, maka akan menambahkan masaalah-masaalah yang lebih berat di dalam masa jangka yang ke hadapan ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat, ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Dua minit sahaja lagi kerana hendak menggulung.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya, di dalam usaha hendak mengatasi masaalah yang berat ini, saya minta supaya Kerajaan ataupun ajen-ajen perubahan di negara kita, oleh pegawai-pegawai Kerajaan agar dapat turun ke bawah sedikit dan bekerjasama dengan rakyat, membimbing rakyat menunjukkan dengan tunjuk-ajar pada mereka supaya usaha Kerajaan itu tidak akan sia-sia begitu sahaja.

3.38 ptg.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya ingin menyentuh tentang beberapa pergolakan ekonomi di dalam negara kita.

Kita tahu bahawa keadaan inflasi sekarang dan juga malangnya kemerosotan yang ada sekarang dijangka akan berterusan sekurangnya dalam setahun ini dan misalnya inflasi di Semenanjung Malaysia akan terus pada kadar 18%, di Sabah dan Sarawak pada kadar 15%, dan kita selalu juga mendengar bahawa dua pihak mesti memainkan peranan iaitu pihak Kerajaan dan juga pihak rakyat. Dalam masa yang lepas ini, saya rasa pihak Kerajaan telah ada menjalankan beberapa langkah misalnya melalui dasar belanjawan dan juga dasar-dasar kewangan. Tetapi setakat ini nampaknya ada sektor-sektor dalam Kerajaan misalnya pihak-pihak berkuasa dalam Kerajaan dan juga setengah-setengah badan-badan berkuasa di dalam Kerajaan yang tidak menjalankan disamping

tidak menunjukkan tauladan untuk mengurangkan perbelanjaan khususnya perbelanjaan-perbelanjaan yang besar-besaran dan membazir. Maksud saya, kita masih lagi dengar bahawa ada pihak-pihak yang berkuasa yang masih lagi sanggup di zaman inflasi dan kekurangan bekalan ini membina tugu-tugu yang berharga berjuta-juta ringgit harganya, ataupun bangunan-bangunan yang dalam jangka pendek atau jangka masa sederhana belum dianggap productive. Saya rasa tauladan dari pihak-pihak berkuasa Kerajaan haruslah diperolehi.

Kedua, pengguna-pengguna misalnya atau rakyat biasa selalu diseru untuk memainkan peranan mengurangkan tekanan inflasi dan di dalam masa kemuncak zaman inflasi baru-baru ini telah ditubuhkan oleh Kerajaan sebuah Majlis Perlindungan dan Penasihat Pengguna. Tetapi malangnya, inginlah saya menyatakan rasa dukacita bahawa Majlis ini adalah ditubuhkan seakan-akan melepaskan batuk di tangga, kerana Majlis ini menghadapi serba kekurangan; sebutkan sahaja semuanya kurang; kewangan, kakitangan, gigi dan kuku pun tidak ada, dan saya rasa apa yang diperlukan oleh negara kita seperti yang telah diadakan di negeri-negeri di mana inflasi telah lama wujud dan di mana mereka telah menghadapi masalah pengguna, masalah bekalan, masalah harga dan pengedaran iaitu sebuah Jabatan yang meliputi atau merangkum serba-serbi hal-ehwal pengguna.

Bukan setakat melindungi dan menasihati pengguna sahaja, tetapi juga misalnya dalam hal ehwal mengenai harga ataupun kawalan harga (price review), kawalan bekalan, ini semua boleh dirangkumkan di dalam Jabatan ini, kalau tidak nescaya usaha-usaha (effort) kecil-kecilan tidak akan bermakna kalau berkehendakan pengguna dan rakyat memainkan peranan.

Kedua, dalam masalah inflasi dan juga kemerosotan ekonomi ini, kita juga mendengar bahawa Kerajaan cuba meninggikan daya pengeluaran dan juga meninggikan keluaran (output). Di sini saya rasa sampailah masanya badan-badan di dalam Kerajaan yang telah dipertanggungjawabkan menambah output ini atau daya keluaran yang hendak ditinggikan, cuba menggunakan punca-punca keluaran tempatan (local resources) baik buruh ataupun apa juga,

maka diharaplah bahawa badan-badan Kerajaan ini mengelakkan penubuhan infrastruktur yang baru, misalnya kita mengetahui apabila wujudnya satu-satu badan Kerajaan baharu yang didahulukan ialah birokrasinya. Yang ditubuhkan dahulu ialah birokrasi yang besar-besar, birokrasi yang begitu mahal, bahkan faedahnya kepada rakyat belum nyata. Ini adalah satu perkara yang perlu ditimbang, kalau sekiranya kita hendak berjaya dalam usaha mengeluarkan output yang lebih tanpa kos yang begitu tinggi.

Begitu juga kita tahu bahawa sekarang ini ada rancangan-rancangan untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan dan juga bahan-bahan mesti yang digunakan oleh rakyat. Saya rasa eloklah di dalam rancangan yang baru ini yang dikatakan Buku Hijau, mungkin kita semua belum pernah menengok Buku Hijau itu tetapi konsep ataupun dasar di belakangnya ada menyatakan hendak menambah pengeluaran bahan-bahan makanan dalam berbagai-bagai segi. Saya rasa yang perlu di sini ialah bagi semua Kerajaan-kerajaan negeri terutamanya untuk mengharmonikan atau menyelaraskan rancangan-rancangan mereka apabila cuba mengimplementasikan konsep pengeluaran bahan makanan.

Pada hari ini, kita dengar tiap-tiap Kerajaan Negeri berlumba-lumba hendak mengeluarkan bahan-bahan makanan, tetapi saya rasa perancangannya tidak begitu lengkap. Pendeknya, saya rasa perlulah kita jangan keliru tentang dua aspek rancangan ini.

Yang pertama, pengeluaran barang untuk kegunaan sendiri, yang ditanam di belakang rumah dalam pot bunga dan sebagainya. Itu perkara yang kecil ataupun mikronya.

Yang satu lagi, ialah pengeluaran barang-barang secara kolektif, secara besar-besaran yang mana kita menggunakan ratusan belia misalnya, co-operatives peladang, kumpulan-kumpulan wanita, kumpulan-kumpulan lelaki sekalipun di dalam berbagai bentuk. Inilah yang menjadi kemuskilan, kerana saya rasa untuk ini semua Kerajaan-kerajaan Negeri patut mengharmonikan apa yang mereka hendak buat. Misalnya perlulah secara menyeluruh di Malaysia ini ditentukan beberapa perkara dalam satu dasar yang comprehensive. Tidak ada gunanya kita bercakap tentang menambah pengeluaran, kalau targetnya tidak kita tentukan:

banyak mana, di mana, jenis apa, bentuk apa, samada ternakan atau samada tanaman. Ini sangatlah perlu. Begitu juga masa tanaman. Kita mesti membuat secara sistematik. Misalnya kalau hendak menanam menambah nenas dan sebagainya, tidak boleh ditanam seluruh negeri serentak. Tidak akan dapat dijual semuanya ini. Jadi production target tadi dalam semua segi dan juga bekalannya di pasaran mesti diatur dan dikawal. Saya rasa dalam Buku Hijau ini belum ada diterangkan lagi.

Yang kedua, ialah dari segi pengedaran dan pemasaran. Bukan sahaja setakat menyampaikan barang yang dihasilkan kepada pengguna, tetapi harus juga ada rancangan untuk menentukan bahawa barang-barang ini dapat dipelbagaikan penggunaannya, iaitu misalnya, adakah telah dirancangan usaha memproses. Kalau kita telah keluaran bahan-bahan makanan yang banyak, kalau berlebih-lebihan, adakah target untuk memproses bahan ini, adakah kilang-kilang yang akan ditubuhkan di kawasan-kawasan tertentu oleh Kerajaan Negeri ataupun joint venture antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Negeri untuk berbuat demikian. Ini harus dirancangan sekarang sebelum timbul masalah, supaya kita tahu kita lengkap dengan organisasi. Kalau disebut tentang pertumbuhan di negara kita, lebih daripada 10 jari tangan dan 10 jari kaki, boleh kita bilang pertumbuhan yang ada kena-mengena dengan pertanian, baik pemasaran ataupun memproses, tetapi perancangan ini, saya rasa belum ada dijalankan dengan lengkap di bawah Buku Hijau sekarang. Akhirnya, timbul juga masalah bekalan input. Jikalau pengeluaran makanan secara besar-besaran, maka input-input seperti credit, bukan sahaja baja dan benih, tetapi juga teknik-teknik baru harus diselaraskan sekarang dan saya rasa koordinasi di lapangan-lapangan ataupun organisasi-organisasi yang berkenaan sangatlah diperlukan.

Saya juga ingin menyentuh tentang beberapa perkara mengenai kaitan atau hubungan antara setengah Kerajaan-kerajaan Negeri kita dengan beberapa daripada pertumbuhan-pertumbuhan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan. Saya tahu tentang satu daripada pertumbuhan ini iaitu RISDA. Saya telah mendapati bahawa di Negeri Trengganu misalnya, RISDA telah menjalankan satu kawasan tanaman getah. Ini telah dirancangan dan tanah ataupun tanaman-tana-

man getahnya sekarang hampir akan ditoreh tidak lama lagi. Tahun hadapan akan masak ataupun cukup tua getah-getah ini. Tetapi malangnya baru-baru ini sampai berita mengatakan bahawa kawasan ini harus akan dilanda air kerana Kerajaan Negeri Trengganu mungkin akan menubuhkan satu dam yang besar di situ. Ini saya rasa menunjukkan kurangnya koordinasi antara Kerajaan Negeri dengan satu badan yang besar yang ditubuhkan oleh Kerajaan, kerana pada masa RISDA masuk di situ tidak ada angangan daripada Kerajaan Negeri, saya rasa untuk menubuhkan apa juga dam. Jadi sekarang telah timbul masalah jikalau tempat ini dilanda banjir air, berapa banyak pampasan yang hendak dibayar, berapa rugi yang akan ditanggung oleh rakyat, bukan sahaja oleh RISDA, tetapi oleh mereka yang akan ditempatkan oleh RISDA di kawasan itu.

Juga mengenai RISDA misalnya ada bukti yang menunjukkan apabila ia cuba membuka kawasan-kawasan di setengah-setengah Negeri, tanah yang diperolehi itu malangnya adalah tanah orang yang lain tidak mahu (rejected), tanah yang FELDA tidak mahu, ataupun tanah yang kesuburannya hampir-hampir tidak ada. Di setengah-setengah Negeri responnya adalah baik, tetapi di setengah-setengah Negeri malangnya tidak dapat. Jadi, saya harap mungkin bukan RISDA sahaja yang dapat layanan begini, oleh kerana kita tahu soal tanah adalah hak Kerajaan Negeri, tetapi kalau kita hendak menjayakan rancangan yang memberi kesan kepada nasional, haruslah Kerajaan Negeri bersimpati dan juga berkoordinasi.

Akhirnya berkait dengan pertanian. Saya ingin menimbulkan satu kemuskilan iaitu kita tahu Kerajaan telah membelanjakan beratus juta ringgit di dalam perbelanjaan-perbelanjaan pelaburan di kawasan-kawasan taliair dan infrastructure dalam pertanian. Misalnya, di Kawasan MADA iaitu di Kuala Muda. Yang merunsingkan saya ialah kita buat perbelanjaan ini dengan satu assumption atau jangkaan bahawa kita akan terus mempunyai jenerasi petani yang akan mengambil alih dalam pertanian di negara ini. Tetapi jikalau dibuat kajian dan malangnya belum dibuat dengan tepat oleh mana-mana pihak, tetapi telah nampak gambarannya bahawa di Kawasan Kuala Muda misalnya, jumlah jenerasi kedua yang akan mengambil

alih di dalam pertanian khususnya pertanian padi semakin berkurangan dengan kadar yang agak merunsingkan. Pendek kata, negara kita tidak boleh lari daripada pertanian. Jadi kalau tidak dikekalkan seterusnya jenerasi petani dan di sini harus kita sedar bahawa kita tidak mahu jenerasi petani yang akan datang serupa dengan jenerasi petani sekarang kerana kita tahu belia-belia tidak mahu masuk pertanian semata-mata kerana structure dan juga susunan socio-ekonomi di kawasan-kawasan pertanian kita banyak kekurangannya, banyak penyelewengannya, kerana itulah mereka tidak berminat memasuki balik pertanian padi misalnya. Ini haruslah difikirkan cara-cara untuk merombak semula susunan pertanian di negara ini supaya dapat disesuaikan dengan kehendak-kehendak dan minat satu jenerasi muda yang akan mengambil alih, kerana saya rasa, kalau tidak akan bermakna pelaburan yang telah kita tenggelamkan ke dalam pertanian ini lama-kelamaan akan hilang begitu sahaja dengan tidak mendapat faedah jangka masa panjang. Saya rasa ini harus kita fikirkan, kerana jenerasi petani yang ada sekarang tidak akan berapa lama dipertahankan.

3.50 ptg.

**Tuan Syed Omar bin Syed Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, lebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang julung-julung kali untuk saya berucap dalam Dewan ini atas usul mengucapkan junjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya menyokong usul yang telah dibawa oleh Datuk Haji Abdul Razak Hussin di atas Titah Ucapan Tuanku itu. Saya tidak hendak bercakap panjang, cuma saya akan menyentuh dua perkara yang saya agak penting juga untuk saya sampaikan kepada Dewan ini oleh kerana banyak kali saya telah menerima rungutan daripada segenap lapisan masyarakat di negara ini terutama sekali mengenai akhlak dan moral masyarakat di dalam Malaysia ini.

Sebagaimana kita sama-sama maklumi bahawa alat-alat sebaran Kerajaan seperti T.V., radio, akhbar-akhbar, badan-badan dakwah, majlis-majlis sivik telah diadakan untuk membendung masyarakat kita supaya

akhlak mereka jangan menyeleweng dan jangan menjadi masyarakat yang boleh dituduh masyarakat liar di dalam pergaulan sehari-hari. Saya menjunjung tinggi atas khidmat alat-alat sebaran Kerajaan tadi yang telah memberi daya usaha sungguhsungguh, namun begitu kesan yang kita harap daripada perjumpaan sivik oleh Jabatan-jabatan Penerangan, akhbar-akhbar *Utusan Melayu* atau *Berita Harian* dan lain-lain lagi seperti siaran radio dan T.V. telah dengan sungguh-sungguh memberi gambaran kepada rakyat daripada segenap lapisan terutama muda-mudi kita yang hampir-hampir rosak akhlak mereka di dalam pergaulan baik di luarbandar dan di dalam bandar. Kesan yang dimaksudkan tidaklah kita dapati berkurangan kalau dibandingkan dengan khidmat Kerajaan, badan-badan dakwah dan lain-lain lagi yang telah membuang masa dan wang berjuta ringgit.

Saya fikir sudahlah sampai masanya pihak Kerajaan menubuhkan atau menggubalkan sebuah undang-undang kerana saya percaya Menteri Undang-undang dan Peguam Negara yang banyak pengalaman tentang undang-undang itu tidak sukar menyusun atau menggubal undang-undang yang boleh menubuhkan Pasukan Polis Akhlak, kerana saya bimbangkan kalau dibiarkan ataupun dengan cara semata-mata mengadakan dakwah, sivik dan sebagainya, akhlak muda-mudi kita terutamanya akan tidak berubah kerana dorongan perasaan-perasaan penganggurang, tak puas hati dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita memperkatakan soal akhlak, saya dapat membahagikan garis-garis kasarnya soal akhlak tadi ialah kepada tiga bahagian.

Pertama keruntuhan akhlak ataupun sopan santun yang terang-terangan sudah rosak.

Kedua, akhlak-akhlak yang tersembunyi.

Ketiga, dengan tekanan perasaan dengki dan hasad sesama manusia.

Ketiga-tiga ini, saya rasa, dua perkara daripadanya sukar pihak Kerajaan hendak mengawal atau hendak membasmikan iaitu perkara kedua dan ketiga tadi. Tetapi Akhlak yang terang-terangan terutama di kalangan muda-mudi kita dapatlah Kerajaan membendung mereka dengan mengadakan Polis Akhlak itu kerana saya percaya ada negara-negara di dalam dunia ini yang

saya dapat beri contoh umpamanya di Mesir. Pada satu masa dahulu akhlak muda-mudi di Mesir telah hampir kucar-kacir. Sebab itulah mereka hampir-hampir di tekan oleh pihak Israel, tetapi di waktu yang akhir-akhir ini pihak Polis Akhlak telah dapat mengawal mereka daripada melakukan sesuatu yang boleh memecahkan perpaduan masyarakat Mesir sendiri. Maka dengan bendungan tunjuk ajar daripada Polis Akhlak dapatlah mereka menyedari balik bahawa hakikat negara kita ialah ibarat sebagai ibu dan bapa.

Tuan Yang di-Pertua, Polis Akhlak yang saya maksudkan bukanlah tujuannya untuk menangkap dan menyumbatkan orang-orang yang berkenaan itu ke dalam lokap semata-mata, tetapi bolehlah mereka diberi satu tugas menasihati, mengawal dan memberi tunjuk ajar, kalau di tempat-tempat ramai umpamanya di public square, di tempat-tempat peranganin, janganlah pula ada orang-orang yang cuba membuat siul-siulan, mengejek-ejek menunggang motosikal sampai 20-30 buah masuk di celah orang ramai yang mungkin menimbulkan perasaan tak puas hati, pertengkaran, akhirnya pergaduhan dan perkelahian sampai ke mahkamah dan sebagainya. Dengan hal yang demikian, boleh meretakkan perpaduan masyarakat yang sedang dilaong-laongkan oleh Kerajaan, perpaduan demi perpaduan. Manakala saya yakin dan percaya tanpa perpaduan segala rancangan Kerajaan ini akan gagal.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya suka menyentuh berkenaan dengan siaran T.V. di waktu azan. Saya rasa perkhidmatan T.V. mengadakan azan atau bang bila sampai waktu sembahyang pada orang-orang muslim agaknya boleh diperbaiki sedikit. Kadangkala kita nampak manakala sampai waktu Maghrib dan Isya, pihak T.V. telah menayangkan gambar orang menaikki motosikal dan sebagainya yang tak ada sangkut paut dengan hal-hal sembahyang.

Yang kedua, pihak T.V. sangat-sangat menitikberatkan soal mengambil air sembahyang sahaja, perkara itu ada baiknya juga kalau mengambil air sembahyang itu teratur dan sempurna semuanya menurut dasar-dasar yang ditunjukkan oleh Islam dengan betul, tetapi kadangkala kita dapati sejumlah orang membasuh demikian, pada malam lain pula membuat lain rupa pula.

Jadi orang yang belum tahu hakikat mengambil air sembahyang dengan cara betul telah bertanya-tanya mana satu yang saya hendak ikut. Jadi saya harap pihak T.V., saya sanjung tinggi perkhidmatan T.V. itu, tetapi hendaklah cara-cara mengambil air sembahyang itu digambarkan dengan betul, dan gambar-gambar daripada luar waktu azan itu hendaklah disesuaikan dengan kehendak ugama Islam yang Maha Suci.

*3.58 ptg.*

**Cik Tom Saudah binti Haji Othman:**

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bersama-sama menyokong penuh atas usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pembukaan Penggal Pertama, Parlimen yang lalu.

Saya suka membawa satu perkara sahaja iaitu mengikut dalam Titah Ucapan Baginda berkenaan dengan perkara menambahkan perumahan dan juga pinjaman kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan juga orang-orang yang berpendapatan rendah.

Di sini saya berharap kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru supaya dapat mengambil tindakan yang tegas seperti mana setahu saya perumahan-perumahan inilah yang berkehendakkan sangat kepada orang-orang yang berpendapatan rendah. Setahu saya kalau satu-satu negeri akan mendirikan satu bangunan perumahan dalam 200 buah rumah, sebelum lagi dibina rumah itu borang-borang telah dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan bagi diisi untuk mendapatkan rumah yang saya sebutkan tadi. Di sinilah banyak terjadi pergaduhan di antara orang-orang kita dengan kerana berkehendakkan rumah yang 200 buah itu, sebab borang-borang telah dikeluarkan bagi diisi hingga 3,000 permohonan.

Dengan ini saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya perumahan ini diperbanyakkan lagi seperti mana saya tahu di dalam Negeri Kedah banyak orang-orang yang berkehendakkan perumahan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi daripada askar-askar yang telah berhenti kerja dan anggota-anggota polis. Setahu saya kebanyakannya mereka itu hanya balik

kampung mengambil upah memotong padi dan menoreh getah sahaja. Dengan kerana tidak dapat layanan dari Kerajaan, minta tanah pun tak dapat, minta rumah pun tidak dapat maka mereka itu terlantarlah duduk di dalam kampung sahaja.

Saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya dapat menambahkan lagi pinjaman-pinjaman kepada pihak Negeri-negeri supaya rancangan perumahan itu diperbanyakkan lagi di masa akan datang.

#### 4.01 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang saya bercakap ini, tetapi malangnya diberi masa hanya 10 minit sahaja, saya rasa tak berapa lega. Walau bagaimanapun, saya hormati kehendak Tuan Yang di-Pertua dan saya merayu kalau boleh ditambah 5 minit lagi.

Saya bangun menyokong usul yang ada di hadapan kita ini, di samping itu saya memberikan pandangan-pandangan yang belum disentuh oleh rakan sejawat saya demi memelihara ketinggian Dewan Negara dan juga Yang di-Pertua.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tun yang telah menyusun Kabinet yang begitu baik dan melantik Menteri-menteri dan Timbalan Menteri serta Setiausaha Parlimen dalam Kementerian-kementerian. Dengan keadaan perubahan perombakan ini pula banyak beralih jawatan-jawatan hingga merunsingkan Ketua-ketua Jabatan yang mengalirkan susah pula kepada rakyat hendak tuju di mana pejabat itu. Jadi amalan ini jangan diamalkan selalu.

Yang kedua, saya pandang dalam pembentukan Kabinet ini semua rakyat berasa puashati, sebab dalam Kementerian Menteri-menteri yang ada itu sangat adil, sangatimbang pada segi perkauman—orang China, orang Melayu dan orang India dan janganlah hendak adanya rakyat Malaysia ini mencurigai Kabinet yang dibentuk itu kononnya ada yang patut dia dapat jawatan Menteri itu, tetapi dia tak dapat, cuma dapat jawatan Menteri yang rendah. Keadaan ini patut kita benamkan. Ini adalah satu asas yang sangat baik, sangat adil. Kalau kita hendak memelihara keharmonian negara ini dan Kerajaan Barisan Nasional ini yang paling penting yang ada sekarang ialah hendak mendapatkan keharmonian, muhibbah antara

kaum-kaum dalam negeri ini. Demikian itu natijahnya akan dapat kestabilan politik dalam negeri ini dan dapat kepercayaan dunia luar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal pegawai-pegawai Kerajaan ini, walaupun Kerajaan mengadakan rancangan Buku Merah, Buku Hijau, Rancangan Malaysia Ketiga sekarang ini, tetapi ada satu perkara yang dihadapi oleh rakyat yang patut difikirkan oleh Kerajaan, iaitu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat pada setengah-setengahnya tidak dapat memahami dan bekerjasama. Ada General Order yang didatangkan oleh Kerajaan Pusat dibekukan oleh Kerajaan Negeri. Ini pula mengalir satu usaha lagi iaitu pegawai-pegawai Kerajaan, bukan saya kata semua, ada setengah-setengah pegawai Kerajaan tidak cergas—lembab, tak dapat disesuaikan dengan keadaan rancangan Kerajaan. Saya minta maaf, bukan semua. Dan ada satu penyakit di daerah-daerah sekarang, DOnya pegawai tua, ADO-ADOnya berkelulusan universiti. Masing-masing ini mengatakan diri dia lebih, sebab dia ada pengalaman. Kata Penolong Pegawai Daerah, dia kata dia lebih dengan sebab dia ada degree. Jadi keadaan yang macam ini selalu tak dapat kerjasama dalam hendak melaksanakan dasar-dasar Kerajaan. Perkara yang seumpama ini patut diperhatikan oleh Kerajaan.

Satu perkara lagi yang saya fikir patut disentuh dalam masalah Buku Hijau ini iaitu mengatasi inflasi dan stagflasi. Saya percaya bahawa di kawasan Asia Tenggara ini masih diancam oleh kemiskinan dan kebuluran. Pada Kerajaan kita yang ada sekarang sangat bertuah kerana pada masa dahulu kita mengadakan Buku Merah untuk mengatasi kemiskinan, pada masa sekarang kita mengadakan Buku Hijau kerana mengatasi kebuluran. Dua masalah ini yang dihadapi bukan sahaja di Malaysia ini, tetapi di seluruh dunia. Masalah kebuluran ini kalau kita tak kemas, tak betul laksanakan akan kita terima akibatnya sebagaimana yang dihadapi oleh setengah-setengah negara. Jadi Buku Hijau yang didatangkan kepada kita ini banyak kawan-kawan saya telah menyentuh dan saya fikir tidak akan dapat berjalan dengan sempurna, kalau tak ada dengan sungguh-sungguh rakyat menyahut seruan Kerajaan. Rakyat di kampung, insya Allah mereka sentiasa bercucuk tanam, sentiasa menternak ikan, sentiasa menternak

binatang-binatang, tetapi perkara-perkara yang tidak dapat diatasi oleh rakyat patut Kerajaan memberikan pandangan.

Pertama sekali, dalam masaalah tanah. Sukar sangat orang-orang yang hendak mendapatkan tanah.

Yang kedua, dalam masaalah baja. Sudah ada baja, mesti ada benih yang bermutu. Sudah ada benih, satu perkara yang sangat susah iaitu musuh-musuh serangga. Kalau perkara ini kita tak berikan kepada rakyat, segala usaha itu akan gagal.

Yang ketiganya, dalam masaalah pasaran. Saya tak payah sentuh, kerana kawan saya sudah sentuh, ini satu perkara yang sangat penting.

Yang keempat, tenaga manusia. Umpamanya kita hendak tanam padi di Sarawak dan Sabah dengan beribu-ribu ekar kawasan. Adakah tenaga yang boleh menanam padi di Sabah dan Sarawak. Ini tak ada. Kalau tak ada kita hijrahkan orang Perlis, orang Kedah, orang Perak ke Sabah dan Sarawak. Kalau tak mahu juga orang ini, patut kita mengambil orang-orang Indonesia supaya menjadi buruh tenaga menanam padi di Sarawak dan Sabah demi atas dasar hendak memelihara keselamatan manusia daripada kebuluran.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dalam masa hendak melaksanakan Buku Hijau ini Kerajaan patut menggantungkan segala rancangan-rancangan yang tidak menguntungkan rakyat yang fikir tidak perlu. Satu daripadanya Kerajaan akan menubuhkan Pusat Penyelidikan Atom dan yang satu lagi Pusat Tenaga Nuklear. Apa pentingnya negara Malaysia yang begitu kecil hendak pakai atom? Sedangkan rakyat banyak yang kebuluran. Saya fikir rancangan ini baik pada segi negara-negara yang besar, pada negara Malaysia ini rancangan penyelidikan atom dan nuklear ini patut digantung. Kita akan berbelanja bermillion-million ringgit. pada masa sekarang Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa hendak mencari tanah. Bagi rancangan ini wang yang sebegitu banyak akan dibelanjakan. Saya fikir pada masa sekarang patut kita gunakan pada melaksanakan dasar Buku Hijau ini daripada kita membuat penyelidikan berhubung dengan atom dan nuklear. Contoh di India, apa sudah jadi? Kerajaan mereka mengeluarkan wang berjuta-juta ringgit tetapi rakyatnya kebuluran. Kita mahukan di Malaysia jadi macam ini? Kita tentu tidak mahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap dua perkara sahaja lagi. Kalau saya tidak bercakap, barangkali tidak begitu senang hati saya. Pertama sekali dalam Titah Diraja yang mengatakan memperluaskan perdagangan antarabangsa dan mencari pasaran baru terutama sekali di Negeri Arab dan Asia Barat. Saya rasa, kalau kita hendak menerima pelabur asing ke negeri ini kita kena betulkan Malaysia ini. Negara Malaysia ini walaupun sudah merdeka, pengaruh Inggeris di Malaysia ini masih kuat. Saya contohkan ada empat lima perkara dan saya mengatakan pengaruh Inggeris di Malaysia ini masih kuat, terutama sekali Malaysia ini duduk dalam Komanwel. Apa ada pentingnya kita duduk di dalam Komanwel? Ketua Komanwel ini ialah Baginda Queen. Kalau perkara itu tidak menguntungkan kita, apakah guna kita masuk dalam Komanwel?

Yang keduanya, kita ada Perjanjian Pertahanan Lima Negara. Pada hal Inggeris pada masa ini ada jajahannya di Brunei dan di Hongkong, apa ada pentingnya kita mengadakan Perjanjian Pertahanan Lima Negara ini?

Yang satu lagi, selalu barang-barang yang kita beli samada kita gunakan dalam Angkatan Tentera dan bangunan, semua kita mengambil daripada negeri-negeri Inggeris. Jadi hal-hal yang semacam ini patut kita kaji balik supaya negeri-negeri yang hendak menanam modal dalam negeri ini tidak sangsi kepada negara kita.

Dalam Titah Ucapan Di-Raja dikatakan usaha hendak membentuk akhlak yang mulia di kalangan rakyat terus dijalankan terutama sekali muda-mudi, sebentar tadi Yang Berhormat sahabat saya sudah mengatakan. Dalam usaha hendak membaiki akhlak ini, saya wakil daripada Negeri Johor ini sangat dukacita dalam Titah Ucapan Di-Raja ini tidak menyentuh sedikit hal ehwal agama Islam, agama rasmi negara ini. Kenapa tidak disentuh? Apa kemajuan yang dibuat oleh agama Islam dalam negeri ini walau agama Islam itu kuatkuasa Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Pusat ada mempunyai kuatkuasa agama Islam dalam Wilayah Persekutuan. Pada hal asas hendak membaiki akhlak itu, agama. Sepatutnya dalam Titah Ucapan Di-Raja ini disentuhkan apa rancangan agama Islam pada Wilayah Persekutuan ini, dengan

dakwah Islamnya, dalam Jawatankuasa Pelajaran berhubung hendak mengkaji pelajaran agama lagi dan lagi satu dalam Malaysia ini juga kita tahu bahawa musuh Islam masih ada sejak 500 tahun dahulu. Ertinya ada manusia-manusia musuh Islam yang tidak suka agama Islam ini berkembang dan ada golongan yang tidak begitu senang menengok ramainya umat Malaysia ini masuk agama Islam. Jadi usaha ini kalau dimasukkan nasihat agama akan menjadi persengketaan kaum, persengketaan agama, jadi kalau begitu negeri ini tidak boleh aman.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam Malaysia ini semua rakyat hormati agama Islam sebagai agama rasmi, tetapi kalau setengah-setengah negara Islam tidak ramai, apa akan jadi. Dalam pada itu Kerajaan kita tidak menentukan macam mana perlindungan agama Islam ini pada hal rakyat dalam negeri ini macam-macam fahaman. Dia beragama Islam tetapi menjalankan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam. Dalam negara Malaysia ini, dalam Wilayah Persekutuan ini ada agama Kadiani, agama Taslim, agama Matahari. Ada macam-macam agama di Kelantan. Tetapi hal macam ini patut diperbetulkan oleh Kerajaan Pusat sebagai hendak membaiki agama rasmi negeri ini.

Yang akhirnya dasar luar negeri kita. Saya cuma hendak bercakap sedikit sahaja, iaitu patut Malaysia ini mengutuk Kerajaan Tentera Habsah yang ada sekarang kerana membunuh 60 orang pemimpin-pemimpin negara itu dengan cara beramai-ramai. Perbuatan ini kejam adalah tidak adil. Pada hal mereka 60 orang ini kita tahu adalah pemimpin negarawan yang memberi faedah kepada dunia dan kejadian-kejadian seperti itu patut kita kutuk. Dan yang kedua, kita patut segera memberikan tahniah dan mengalu-alukan kemerdekaan sebuah Kerajaan baharu di rumpunan pulau-pulau Melayu ini juga iaitu Kerajaan Papua New Guinea yang akan lahir pada tahun ini. Jadi Kerajaan Papua New Guinea rumpunnya Melayu dan kalau dia hendak masuk dalam keluarga ASEAN kita harap Kerajaan tidak akan teragak-agak menerima mereka sebagai rumpun keluarga ASEAN.

#### 4.17 ptg.

**Puan Zawiyah binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk menyokong Usul Ucapan Terima Kasih

kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan saya ingin memberi pandangan dan pendapat-pendapat saya untuk negeri saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar berhubung dengan nasib dan masa depan rakyat di Negeri Trengganu. Sebahagian besar rakyat di Negeri Trengganu adalah bergantung pekerjaan sebagai nelayan dan juga petani, mata pencarian penduduk-penduduk di Negeri Trengganu adalah sangat rendah pendapatannya tidak lebih daripada tangan ke mulut sahaja. Saya tidak nafikan bahawa usaha-usaha Kerajaan Negeri ke arah itu tetapi saya yakin bahawa kuasa dan tenaga yang ada pada Kementerian ini adalah lebih kuat dan lebih besar dari apa yang ada di negeri-negeri. Pada hemat saya, sekiranya Kementerian ini tidak dapat membuat perubahan yang selayaknya kepada kaum-kaum nelayan dan juga kaum petani yang berpendapatan rendah di Trengganu, bererti usaha-usaha Kementerian itu ke arah mencapai cita-cita Dasar Ekonomi Baru belum boleh dikatakan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan pandangan saya kepada perkara yang kedua. Saya sebagai seorang yang baru dalam Dewan ini ingin tahu apakah peranan-peranan yang dimainkan oleh Kementerian Dalam Negeri mengenai perbuatan setengah-setengah golongan tertentu menyebarkan dengan luasnya surat-surat sebaran dan fitnah-fitnah terhadap Kerajaan serta beberapa orang Menteri-menteri kita, di samping menghasut orang ramai dan menyemaikan semangat ataupun jiwa pemberontakan terhadap Kerajaan. Bagi menyekat dan menghapuskan gerakan-gerakan yang amat bahaya itu, selain daripada menangkap beberapa orang dari ketua-ketua mereka, sedangkan surat-surat sebaran dakyah-dakyah mereka tersebar luas hingga ke kawasan-kawasan luar bandar. Oleh itu, saya harap dapat penjelasan dalam hal ini.

Saya ingin memberikan pandangan mengenai perkara yang ketiga iaitu dari segi pelajaran. Di negeri Trengganu banyak terdapat kekurangan guru-guru terlatih, baik di sekolah menengah mahupun di sekolah-sekolah rendah, terutama sekali sekolah-sekolah di luar bandar. Sekolah-sekolah ini

menerima guru-guru sementara sahaja untuk memenuhi tenaga pengajar, tetapi apa yang menduka-citakan kami ialah satu pertiga dari keramaian guru-guru adalah terdiri daripada guru-guru sementara. Guru-guru ini ditugaskan mengajar di Tingkatan I, II dan III padahal Tingkatan-tingkatan ini adalah amat penting kerana di sinilah asas pelajaran di sekolah-sekolah menengah, sebab itu pada tiap-tiap tahun ramai murid-murid di luar bandar yang terkandas dalam peperiksaan L.C.E. dan S.R.P.

Saya harap Kementerian Pelajaran menambahkan lagi maktab perguruan dan membuka balik Pusat-pusat Latihan Harian dan juga Pusat Latihan Daerah supaya kekurangan guru terlatih tidak lagi berlanjutan.

Selain daripada itu, sekolah-sekolah di luar bandar sangatlah kekurangan dalam serba-serbi kemudahan, terutama sekali dalam alatan sains dan diharap kemudahan-kemudahan ini jangan dibeza-bezakan. Saya menyokong penuh di atas cadangan Kementerian Pelajaran hendak mengadakan mata pelajaran agama dan juga ketenteraan di pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia ini, kerana dengan adanya pelajaran agama penuntut-penuntut di pusat pengajian tinggi ini berakhlak mulia dan berdisiplin dan tidaklah bertindak liar dengan sesuka hatinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pandangan di dalam Kementerian Penerangan mengenai peranan-peranan yang dimainkan oleh Kerajaan di Kementerian Penerangan seperti radio, T.V. dan pegawai-pegawai luar dari Jabatan Penerangan terutama pegawai-pegawai dalam Bahagian Hal Ehwal Khas. Saya rasa patut kita memberi pujian kerana kesannya kepada masyarakat tersangatlah baik dan menggalakkan, tetapi walau bagaimanapun masih jauh lagi untuk kita sampai kepada matlamat yang dituju supaya sesuai dengan perubahan zaman. Pada hemat saya tugas dan peranan Jabatan Penerangan perlu dikaji semula supaya berunsurkan pendidikan, pimpinan, kebudayaan dan menyemaikan semangat kesedaran dan tanggungjawab terhadap negara dan masyarakat.

Selain dari dasar-dasar Kerajaan seperti hari ini Pasukan Bahagian Hal Ehwal Khas perlu dibesarkan dan diberikan layanan-layanan dan kemudahan-kemudahan yang setimpal dengan peranan mereka. Di samping itu

mereka juga perlu sekali-sekala diberi peluang Melawat Sambil Belajar ke luar-luar negeri untuk meluaskan pengalaman dan pandangannya. Bagi Negeri Trengganu sungguhpun sudah ditambah beberapa orang Pegawai Penerangan, tetapi kita masih kekurangan dan sangat-sangat memerlukan sekurang-kurangnya dua orang pegawai luar bahagian wanita, kerana di Trengganu juga tidak kurang wanita-wanita yang memerlukan penerangan-penerangan dari kaum sejenisnya sebagaimana juga di Kelantan, Perak, Johor dan Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, saya atas nama kaum wanita Trengganu menyuarakan hasrat untuk mendapatkan pertimbangan segera dari Kementerian yang berkenaan.

4.25 ptg.

**Tuan Kam Woon Wah:** (*Dengan izin*)  
Mr President, Sir, I think we all support the policies of the Barisan Nasional Government, but the only complaint is in regard to the implementation of these policies. By and large, the people accept the policies. However, we always get into trouble when we come to the stage of implementation. This subject has been raised by some of the speakers previously, and so I would not touch upon that again

Mr President, Sir, His Majesty has pointed out in his Speech on the economic problem which we are facing today. This is a serious problem. Irrespective of any station in life, all of us must help the Government to implement whatever policies to be decided. Moreover, the leaders of the Government have warned all of us of the difficulties ahead, and I hope no irresponsible elements will blame the Government for not informing them of the economic difficulties ahead of us. We are fortunate this time in that the General Election is now behind us; otherwise in an election year, deflationary policies would have to be adopted to a certain degree because every party would like to make all sorts of promises to the voters. Of course, many of the parties do not care whether their promises could be carried out or not. In this respect, the problems of inflation and recession are not only the dilemma of the Malaysian Government, but also the dilemma of the countries in the world today, irrespective of whether

they are poor, whether they are rich, whether they are powerful or whether they are weak, i.e., we are all in the same boat facing the same problems of inflation and recession.

On the problem of inflation, our Government has correctly carried out many policies, firstly, by controlling the rising of prices and secondly, by applying money squeeze on the people. In fact, I also agree that this is the right policy. But the problem is not so simple because, if you keep the money too tight, then the result may be disastrous, in that you produce a recession or, worse still, you produce a depression or a slump in the country. At the moment, if the credit squeeze by the banks is prolonged further, it may cause many companies to go bankrupt. This would apply to both the small and large companies. If these companies go bankrupt, then there would be further problems such as unemployment, social disorder, etc. At the moment, our Government is aware of this problem. However, the trouble is that, as I see, the Government is pumping too much money only into the public sector, but, unfortunately, not so much into the private sector. Our business people do not have the habit of crying aloud before they are hurt, but this time the "hurt" is real enough and our business people are crying quietly in private. I would therefore urge the Government to help the private sector by allowing a bit more cash to circulate, other wise—it is only a question of time—many of these companies will go bankrupt. I am sure our Government cannot afford this calamity to happen for various reasons because our Government has spent millions and millions of dollars to create and to set up all this infrastructure, so that all the foreign companies and big investors can come in, and if these companies go bankrupt, we will also fall into the same pit. It is not right for some people to say, "Well, never mind about these companies going bankrupt, let us control the inflation first". That is not correct because, on the one hand, we have inflation which we are controlling and in which, I think, to a certain extent we are succeeding, and on the other hand, we should not squeeze too much since it would cause a slump and would really pull down the country and it would be too late by then to say, "You go bankrupt, then we

start again and, just like Japan or Germany, we will rise from the ashes". But I do not think that is a correct principle for us to adopt.

Certain industries, Mr President, Sir, especially in the private sector should be immediately helped such as small retailers or even housing developers. At the moment, there is a standstill in all these housing developments because they cannot get any loans from any banks or any financial institutions except small sums which are not enough. These housing developers are doing a good service to the country by building thousands and thousands of homes for our people and they are also supporting the policy of our Government as regards the house owning democracy. However, without these overdraft facilities, many of them would not be able to carry on with their development. This is where the large development companies have gone into bankruptcy or liquidation as has been the case in Australia, America, England and other countries. Many of these companies have taken a great risk and, of course, during the boom year such as 1973, they have made money. But at the same time many of them have also lost money because of the rise in the price of materials such as steel, cement, etc. So, I do not agree with the remark made yesterday by my friend, Raja Nong Chik bin Raja Ishak, that all the housing developers make money—I don't think so. Those who made money are known and those who lost money just quietly disappeared and therefore many of whom are not known. Of course, there was a big splash, during the boom time, in the newspapers that there were some "sharks" in the housing industry. I think we have to accept that there are "sharks everywhere in every industry. So this is not a correct reason to say that because there are "sharks" that we have to squeeze the housing companies. That should not be the right policy.

At the moment, we have seen many Governments such as Australia, England and even, as late as last week, Singapore who have now relaxed this credit squeeze on these housing developments. So, I hope our Government will also do likewise and relax a little bit on this, so that the country could develop further.

My last point, Mr President, Sir is on the growing of more food in the country. I would like to make only a short point on this. We agree that the Government is doing a lot by trying to open up all the big lands—500,000 acres, 200,000 acres, 100,000 acres and so on everywhere. However, I feel that it is too late and it is very slow because we have all these preliminaries such as investigation, survey and so on by these people, and this would take some time. It is of no use if you take this for one or two more years because by then the problem might have been over. The crucial period is 1975—we want more food this year. I, therefore, suggest that all these available lands anywhere near any kampung, and near any village should be cultivated by the people, so that our people would have enough food to eat. I think that should be our main and first consideration on this problem.

4.35 *ptg.*

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:**

Tuan Yang di-Pertua, disamping menyokong cadangan yang sedang kita bahaskan hari ini saya suka mengambil peluang bercakap sedikit dalam perbincangan ini. Saya suka menyentuh dalam masaalah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan sekarang ini yang mana kita telah sama-sama maklum iaitu hendak menseimbangkan kedudukan rakyat yang berada dengan yang tidak berada, rakyat yang di luar bandar dengan rakyat di dalam bandar, bumiputra dengan yang bukan bumiputra. Dasar ini telah mendapat sokongan dari semua peringkat, buktinya dalam pilihanraya yang lalu Barisan Nasional telah mendapat kejayaan yang cemerlang, lebih-lebih lagi kalau di bandingkan di Kelantan 100%, calon-calonnya telah berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada kepercayaan rakyat ini adalah menjadi satu cabaran pada Kerajaan sekarang ini untuk melaksanakan dengan sepenuhnya Dasar Ekonomi Baru supaya benar-benar dapat kita capai matlamatnya dalam tempoh yang ditentukan.

Dalam masaalah pembangunan ekonomi, banyak dalam kawasan negara kita sekarang ini, baik di Malaysia Timur mahupun di Malaysia Barat kawasan-kawasan yang masih belum dibuka, yang mana kawasan-kawasan ini dengan kemudahan-kemudahan

dasar yang nanti dibina oleh Kerajaan akan memberi banyak peluang pekerjaan dan akan dapat menambah hasil negara ini dari satu masa ke satu masa. Tidak timbul soal takutkan negara kita ini kekurangan tenaga pengusaha, sebab kalau kita kaji daripada tiap-tiap lapuran telah menyatakan bahawa pertambahan penduduk kian bertambah kalau dibandingkan dengan pertambahan pekerjaan tidak begitu memuaskan. Dengan sebab itu, saya suka mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya kawasan-kawasan yang belum dibuka lagi itu dilipat-gandakan pembukaannya dengan mengadakan kemudahan-kemudahan asas. Kalau dibandingkan kawasan pedalaman di negeri Kelantan masih separuh kawasan negeri itu belum dibuka. Di negeri Pahang telah banyak dibuka, tetapi di negeri Kelantan masih banyak kawasan yang belum dapat dibuka, kerana tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas, terutama sekali jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada satu rancangan yang telahpun dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Pertama dahulu iaitu sebatang jalanraya yang dikenali jalanraya Kuala Krai—Bukit Hantu yang juga akan menyambung rancangan jalanraya Kuala Berang ke Sungai Siput. Jalan ini adalah benar-benar merintang di tengah-tengah semenanjung—Malaysia ini yang apabila sahaja rancangan jalan ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya, sudah tentulah banyak negeri-negeri terutama sekali negeri-negeri di Pantai Timur seperti Trengganu dan Kelantan dapat menyambungkan negeri-negeri dibahagian Pantai Barat dan dapat memendekkan jarak perjalanan perhubungan di antara negeri-negeri Pantai Timur dengan Ibu Kota Persekutuan ini sendiri.

Saya bersamaan pendapat dengan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak dalam ucapannya semalam yang telah menyatakan kepentingan jalanraya, bukan sahaja dari segi pembangunan ekonomi, tetapi juga dari segi keselamatan dapat menghalang bahaya-bahaya penjahat komunis daripada bersarang dalam kawasan hutan rimba seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah ini saya suka menarik perhatian dalam aspek ekonomi yang mana FELDA sebagai sebuah ejensi Kerajaan yang sedang memainkan peranan pembukaan tanah di samping memberi pekerjaan kepada rakyat di luar

bandar, terutama bumiputra. Walaupun Yang Berhormat Menteri yang berkenaan terdiri daripada orang Kelantan dan bekas Menteri Besar negeri Kelantan, tetapi masih belum berjaya mendapatkan satu kawasan tanah untuk rancangan FELDA, kecuali hanya di Kemahang sahaja, itupun dikhususkan untuk peneroka-peneroka belia sahaja. Pendek kata, FELDA belum dapat suatu kawasan tanah yang sesuai dari segi soil scientist dan sebagainya belum dapati di negeri Kelantan kecuali di kawasan ini sahaja. Apabila terbuka sahaja jalan ini kita boleh dapati satu kawasan tanah yang sesuai untuk rancangan kelapa sawit tidak kurang daripada 60,000 ekar; tanah yang sesuai untuk ladang getah dan sebagainya memang boleh kita dapati beratus-ratus ribu ekar lagi di kawasan ini selain daripada dapat menyambung negeri Pahang, Trengganu, Kelantan dan juga negeri Perak dengan adanya sebatang jalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah inilah yang saya hendak tekankan sedikit supaya pihak Kerajaan dapat mengambil perhatian. Kalau dahulu masing-masing pihak boleh membuat alasan kerana pertelingkahan politik, di antara Kerajaan Negeri yang dikuasai oleh PAS dan Kerajaan Pusat yang dikuasai oleh Perikatan pada masa itu. Tetapi sekarang tidak timbul masalah itu, sebab kita sekarang berada dalam Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat telah begitu erat mengadakan perhubungan, dan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah beberapa kali melawat. Sebagaimana kita telah dengar penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri semalam, bahawa perhubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat tidak timbul masalah. Jadi, dengan sebab itu, saya rasa tidak ada sebab kenapa rancangan yang begitu menguntungkan ekonomi negara ini, rancangan yang dapat memberi pekerjaan kepada rakyat yang kita hadapi penganguran sekarang ini tidak dapat dilaksanakan. Inilah yang saya katakan satu cabaran kepada Kerajaan. Rakyat telah memberi mandat, kalau dahulu mereka bertelingkah dalam masalah politik, sekarang mereka lupakan semua. Mereka bersatu padu memberi kepercayaan 100%. Tidak ada yang kalah dalam pilihanraya baru-baru ini. Ini adalah sebagai satu cabaran yang saya katakan kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi yang saya hendak tekankan di sini berhubung dengan Titah Ucapan Di Raja ialah masalah rancangan ternakan dan pertanian. Dalam masa yang singkat ini, saya suka menyentuh di Kelantan, iaitu tanaman tembakau selain daripada padi. Tembakau satu perusahaan yang dapat menolong rakyat di luar bandar yang dapat berpendapatan rendah. Hasil negara pun dapat dilipat-gandakan dan dapatlah saya nyatakan bahawa tahun 1974 sahaja tidak kurang daripada 40 juta ringgit wang mengalir ke Negeri Kelantan, hasil daripada perusahaan tembakau. Tetapi malangnya penanam-penanam tembakau ini, akibat inflasi yang mana dalam saat akhir-akhir ini sahaja pihak Lembaga Perusahaan Tembakau ini cuba menaikkan harga daun tembakau hijau. Dalam masa kebelakangan tahun 1974 yang baru lepas ini mereka telah menanam tembakau dengan harga baja yang melambung tinggi, sedangkan harga daun tembakau hijaunya tidak dinaikkan.

Saya dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri masa dahulu sebelum pilihanraya, mengatakan bahawa harga daun tembakau hijau ini akan dinaikkan dan diberi tunggakan tetapi perlaksanaannya sampai hari ini petani-petani yang bertanam tembakau itu tertunggu-tunggu akan tunggakan yang dikatakan hendak dibayar, sampai sekarang ini mereka tidak menerima bayarannya. Samada pihak Kerajaan atau pihak Lembaga Perusahaan Tembakau telah menyelesaikan perkara ini kepada swasta-swasta yang mengusahakan, mengeringkan daun tembakau itu, atau cuma tidak disampaikan kepada petani, itu tidak dapat saya nyatakan. Pihak Kerajaan atau pihak yang bertanggungjawab patutlah menjelaskan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ternakan, di samping ternakan secara besar-besaran, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak semalam menyatakan bahawa ternakan secara kecil-kecilan ini patut digalakkan. Saya dapat menceritakan mengenai masalah ternakan lembu kerbau ini kalau hendak dicontohkan di Kelantan, satu keluarga dia memelihara sampai 4-5 ekor dan sekarang ini mereka dapat pergi ke Mekah dengan tidak menjual tanah atau bergadai bergolok, kata orang. Jual tiga ekor kerbau atau lembu, cukup untuk satu orang pergi ke Mekah. Jadi saya rasa, masalah ternakan secara kecil-kecilan

ini di samping ternakan secara besar-besaran patut digalakkan. Rancangan pawah patutlah Kementerian itu melipat-gandakan lagi. Kalau ada lembu yang kurus dibagi kepada satu keluarga, kawajipan keluarga itu menggemokkan dan dengan harga yang murah pada masa kecil, tetapi bila sudah dipelihara dalam 1½ tahun dia besar dan gemok serta dijual dengan harga yang berlipat-ganda. Ini adalah satu asas ekonomi secara kecil-kecilan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sukalah menyentuh dalam perbincangan ini mengenai masalah kerjasama ASEAN. Saya telah baca dalam Titah Ucapan di-Raja dan juga pada saat yang akhir ini kerjasama ASEAN sentiasa digalakkan dan diambil perhatian yang berat oleh Kerajaan kita. Dalam masaalah ini, saya hendak meminta dan merayu, kalau dapat pihak Kerajaan kita mengambil perhatian berat di atas masaalah apa yang sedang berlaku di kalangan ASEAN kita, iaitu masaalah umat Islam di Philipina yang mana Setiausaha Agong Negara-negara Islam, Tuan Hassan Al-Tohamy telah melawat Kuala Lumpur dan berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan mungkin telah cerita atau dibincangkan atas masaalah ini, saya rasa eloklah kalau pihak Kerajaan kita dapat memainkan peranan disamping menolong melega mengatasi kesulitan umat Islam di Philipina itu, bukan dengan tujuan hendak campur tangan urusan dalam Negeri Philipina, tetapi atas kerjasama ASEAN. Kerjasama mana yang kita fikir boleh menolong mententeramkan keadaan dalam Philipina itu sendiri, disamping menolong umat Islam kita.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya dan sekali lagi saya ulangi sokongan terhadap Usul ini dengan menjunjung tinggi, merakamkan ucapan syukur dan junjung kasih terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Persidangan ditempohkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 4.50 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.07 petang.*

*(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)*

5.08 ptg.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengambil bahagian dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Tuan Timbalan Yang di-Pertua dan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga saya mengambil peluang untuk memberi setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dilantik menjadi Senator oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri baru-baru ini dan saya berharap serta berdoa Allah akan menjaga kesihatan dan segala kewajipan yang kita akan hadapi.

*(Dengan izin)* Sir, the Justice Suffian Salary Commission was set up in 1963. The Commission started to function fully only in 1965. The recommendations of the Commission were handed to the Government in 1967. The Report was implemented first in 1969 for the I.M.G. Group and subsequently for Divisions I, II, III and IV in 1970. The entire Report and Recommendations were based on conditions existing in this country during the first five years of the 1960 era. The Justice Aziz Report was also based on conditions during the same period for the teaching profession.

Sir, now the Justice Harun Report is being implemented and its recommendations of salary structure are slightly better for certain establishments. This is a pointer that the present day employment in our country warrants an entire revision of the salary structure for the entire public service.

Sir, the conditions which prevailed during the 1960 era were totally different from what the people of this country are facing today. There was then no inflation or stagflation as there is today and prices now continue to rise for all foodstuffs. So, I earnestly call upon the Government to look into the salary and working conditions for all our workers, both in the public and in the private sectors.

The \$30.00 special relief allowance advised by the Government to be given to

all workers in the country is not being paid by many big establishments in the private sector. I call upon the Government to check factory by factory, shops, restaurants and every other establishment and see that our workers are not only paid the special relief allowance but also that they are paid fair and decent wages with which they could support their families.

Sir, I now wish to touch on the recent student disturbances in the country. I wish to call upon the Government to check very carefully and see whether any foreign agents other than the M.C.P. had been involved in the recent student disturbances in the country. I also wish to know as to why the Opposition parties in our country did not back the Government action taken against the students. This is a clear indication that there are forces within our midst trying to destroy all that we cherish under our independence. When I say "foreign agents", I am specifically referring to the C.I.A.

Tuan Yang di-Pertua, not only our enemies are jealous of us but even our friends are jealous of our vast potentialities, of our vast natural resources, of our very fast rate of development and, above all, of the indefatigable leadership being provided by the Prime Minister, Tun Abdul Razak.

Sir, we all condemn violence, demonstrations, rowdyism, hooliganism, etc. Things like inflation, poverty, unemployment, hardships and difficulties faced by people are not the responsibility of students. They cannot solve these problems. These are national problems and it is the responsibility of the elected Government to solve them. However, Sir, I would appeal to the Government not to brush aside the points raised by the students. In spite of 18 years of independence, the situation in the kampungs remains, to a certain extent, grim and bleak. There are people who have no food to eat and who have no clothings to wear. And as the conditions of living in many of our villages and kampungs are rather poor, I call upon all Ministers, the Deputy Ministers, the Parliamentary Secretaries, elected M.Ps. as well as Honourable Senators to constantly visit and regularly keep in touch with the kampung people, so that they will be able to know and attend to their problems.

Sir, it is of the utmost importance that there should be constant touch and approach

between the people and persons like Ministers and M.Ps. during times of difficulties such as the ones which we are facing today. I also call upon the Government to give priority to all minor projects in rural areas such as provision of piped water supply, electricity, roads, bridges, "gotong-royong" projects, offering equal job opportunities to rural people, etc.

Sir, another point is about shortage of books. For the third successive year. I had been assured in 1973 and in 1974 in Parliament by the former Minister of Education that in 1975 the problem of shortage of books would be solved before the schools reopened. But, very unfortunately, hundreds and thousands of school children, including my children, went to schools yesterday without even exercise books. We are far away from solving these problems. In 1973 and 1974, the excuse given was that we were in shortage of newsprint, but I have come to understand that now we have overcome this problem. I would like to know why we are still running short of these textbooks. As this is a very important matter and since we have a brilliant and very efficient Minister now in charge of this Ministry, I hope he will attend to this matter.

Lastly, Tuan Yang di-Pertua, as to the recent leakage of the S.P.M./M.C.E. examination paper—I am not touching on the court cases and I should not touch on them but here I would like to touch on some other points—an office boy was charged that he had taken part in breaking the strong room where the question papers were supposed to have been stored. I would like to pose a question to the Honourable Minister of Education as to what security was provided and who was responsible in providing security to the strong room. How an office boy or a 'tambi' could have had access to the strong room so that he could easily steal the papers which were circulated subsequently? Why weren't the higher authorities charged? In all situations like these, it has become natural that the "big ones" would get away. It is always the "small ones" who would get caught. So, I call upon the Police to go much deeper with the investigations, to establish evidence and to find out whether other persons besides these two temporary clerks and the 'tambi' were involved and whether there had been examination paper leakages before. I have heard rumours that

there had been previous leakages before the 1974 leakage, which were done on a large scale, and I hope investigations would be conducted throughly.

With these little points, I end my speech.

5.20 *ptg.*

**Puan Dasimah Dasir:** Saya ucapkan ber-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang wanita bercakap dahulu. Saya suka juga mengambil bahagian dengan seberapa ringkas di dalam Titah Ucapan di Raja ini di dalam dua tiga perkara.

Yang pertama, saya suka menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua pada hari kelmarin telah memberi peluang sampai 1½ jam atau 2 jam kepada Ahli-ahli Dewan bercakap, tetapi malangnya pada hari ini dihadkan pula. Kesihan rakan-rakan saya yang baru ini samada wanita atau bukan wanita telah mengangkat tangan berkali-kali. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang dengan ihsan dan kesihan belas berilah setengah hari lagi pada hari esok (*Tepuk*) kerana banyak perkara-perkara yang akan dibincangkan di dalam Majlis ini.

Rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kedah telah bercakap berkenaan dengan rumah, tetapi malangnya kami di Pulau Pinang ini tidak mempunyai tanah, hanya Kerajaan Pulau Pinang adakan tanah dan diberi untuk membuat hotel-hotel dan membuat bangunan rumah yang tersergam tetapi orang yang miskin yang telah mengalami kesusahan tidak diberi peluang dan tidak dihiraukan dalam membuat rumah yang mahal-mahal yang mana Kerajaan juga telah berjanji iaitu 30% akan diberi kepada bumiputra. Sebagaimana saudara saya kata tadi diberikan borang-borang supaya mendaftarkan nama, kemudian diminta wang lebih daripada \$10,000 bayarannya. Di manakah simiskin ini akan mengambil wang itu untuk dibayar kepada pihak yang mempunyai rumah? Kalaulah Kerajaan hendak memberikan keutamaan kepada rakyat bumiputra sebagaimana ucapan Yang Amat Berhormat Tun dan juga Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, buatlah rumah papan dengan harga \$5,000 atau \$6,000 supaya dapat diberikan kepada simiskin itu dapat menduduki rumahnya sendiri.

Yang kedua, saudara saya Senator Raja Nong Chik menyatakan Menteri Kebajikan Am tidak menghiraukan dalam perkara menambahkan wang kepada orang-orang tua, tetapi setahu saya Yang Berhormat Puan Hajjah Aishah Ghani, Menteri Kebajikan Am, telahpun menambahkan bayaran-bayaran kepada orang-orang tua yang miskin. Jawatankuasa di Pulau Pinang tidak duduk diam. Jawatankuasa membawa Menteri itu ke tempat-tempat orang tua duduk sehingga Menteri itu menambah wang daripada \$5 naik \$15 (*Tepuk*). Bukanlah saya hendak mengangkat Menteri wanita itu—tidak (*Ketawa*) tetapi perkara yang sebenar saya tahu kerana baru-baru ini beliau melawat bersama-sama dengan saya.

Saya suka menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, banyak benda-benda yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, semuanya saya tahu, tetapi janganlah kakitangan Kerajaan ini menumpukan kemarahannya kepada saya mengatakan suka mengata kakitangan Kerajaan—tidak. Bukan semuanya mereka itu sombong atau bongkak, tetapi setengah-setengahnya sangat-sangat sombong kepada orang tua ini ketika hendak berjumpa dengan mereka. Kerajaan hendaklah membaiki keadaan kakitangan Kerajaan yang mana tak elok itu ditukarkan supaya dapat menginsafi orang miskin, kalau berjumpa atau meminta satu-satu benda kalau sekiranya tak boleh, katalah tak boleh, jangan dimarah atau tidak dilayan dan dihalau keluar. Ini tidak baik.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang. Kalau sekiranya saya tak bercakap, saya rasa terkilan, sebab saya tahu Tuan Yang di-Pertua bersimpati dan memandang selalu kepada saya dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana memberi penghormatan kepada wanita-wanita. Pada hari kelmarin juga Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak telah memberi tahniah dan terima kasih kepada wanita-wanita yang telah dipilih dan mengangkat sumpah dalam Dewan Negara, tetapi rasa saya belum mencukupi sebagaimana yang ada pada hari ini hanya dilantik seorang sahaja, iaitu Puan Rafidah Aziz, lantikan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong manakala yang lain itu adalah daripada Negeri-negeri. Kerajaan patut menambah bilangan ini kerana wanita-wanita berhak bersama-sama dengan kaum

bapa di dalam segala lapangan juga sebagaimana pada hari ini Tuan Yang di-Pertua telah memberi peluang kepada wanita-wanita bercakap walaupun mereka baru masuk di dalam Dewan ini; mereka berani mengangkat tangan bangun tanpa merasa malu dan segan. Ini adalah satu kebolehan bagi kaum wanita.

### 5.26 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya telah mendengar hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli-ahli baru, terutama sekali wanita-wanita. Tetapi malangnya, masa yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua sangat sedikit, saya berharap pada satu masa akan datang kelak akan diberi masa yang lebih panjang lagi supaya kita dapat berbahas di sini sehingga tengah malam.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengkaji berkenaan dengan kemiskinan, kesusahan, tunjuk perasaan di sana sini, dan yang lebih penting sekali ialah kedudukan kita samada ianya kaya atau miskin, yang ada berduit ataupun tidak, kedudukan mereka pada segi ini tersangatlah genting. Kita perhatikanlah di seluruh negara ini tembak-menembak berlaku, samun-menyamun, mati, berapa banyak orang yang kena bunuh. Dari mana datangnya senjata ini? Ini satu soalan yang amat besar yang kita hadapi. Saya khuatir pemodal asing tidak akan sanggup melaburkan wang ringgitnya untuk membuka industri disebabkan perkara yang berlaku ini.

Saya beri satu contoh kepada Tuan Yang di-Pertua. Ada satu kes yang telah berlaku, kes jenayah, maka mahkamah telah menghukumkan kes itu (3 kes) kepada satu orang yang telah didapati bersalah, orang itu juga didenda 4 tahun penjara tiap-tiap satu kes yang dilakukannya, tetapi keputusan akhir mahkamah itu ialah dengan serentak, bermakna 4 tahun, bukannya 12 tahun. Ini satu perkara yang kita mesti kaji dan itupun barangkali orang itu belum lagi bernasib baik, lebih-lebih lagi jikalau dia bernasib baik, ada satu Pardon Board dan dia akan lepas daripada penjara itu. Kalau dikaji dengan perbezaan yang telah berlaku di dalam penjara, tak ada perbezaan orang yang membuat jenayah yang begitu berat, serupa sahaja layanan yang dapat diterimanya iaitu

ada talivisyen, ada permainan badminton dan bermacam-macam lagi permainan telah diberi untuk kesenangan mereka duduk di dalam penjara itu. Jadi mereka itu sudah jadi senang di dalam penjara daripada luar penjara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini patutlah dikaji dan dihalusi apakah sebabnya mereka ini mahu membuat perkara jenayah seperti tembak-menembak dan bunuh-membunuh dan mereka tahu akibatnya apa akan jadi jikalau mereka itu ditangkap.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedih menceritakan atas perkara ini. Jika seseorang itu telah didapati bersalah, ada sahaja peguam-peguam yang pergi membela nasib mereka. Ini satu perkara yang kita mesti kaji iaitu hendaklah diadakan satu dialogue di antara Hakim-hakim, Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan peguam-peguam untuk mengkaji dengan sehalus-halusnya kedudukan negara ini. Jikalau dibiarkan, akhirnya akan merebak dan apa akan jadi pada satu masa akan datang. Kita tahu tunjuk perasaan telah berlaku di negara kita ini oleh penuntut-penuntut universiti. Tetapi mereka ini pada satu hari akan menjadi pemimpin-pemimpin, mengambil tempat duduk kita di sini dan mereka akan menjadi pegawai-pegawai dan manager-manager di serata tempat. Jikalau perasaan yang semacam ini telah berlaku atau diperbuat oleh mereka yang pada satu hari kelak akan menjalankan pentadbiran, kalau kakitangan mereka membuat perkara yang semacam ini, apa akan jadi kepada negara kita pada masa akan datang?

Di sini saya suka memberi pandangan sedikit sebanyak berkenaan dengan kekurangan wang yang diutangkan seperti dalam pekerjaan mata-mata gelap. Elaun khas yang diberi kepada mereka sebanyak \$20 sebulan untuk pergi merisik, pergi bertanya ke sana ke mari samada dia rank and file, koprak ataupun sarjan. Adakah mencukupi wang \$20 yang diberi itu untuk dia memperolehi rahsia dan untuk mendapatkan maklumat-maklumat? Dan perbezaan telah berlaku iaitu kakitangan Special Branch mendapat elaun sebanyak \$30 untuk motosikal, tetapi mata-mata gelap tidak dapat. Ini pun patut kita kaji. Banyak lagi perbelanjaan-perbelanjaan yang patut kita keluarkan kepada mereka ini supaya lebih banyak orang-orang memberi maklumat-maklumat dan terjamin

diri mereka itu daripada perkara yang tidak diingini dan hendaklah kita mengeluarkan wang begitu banyak supaya negara kita aman dan tenteram.

5.33 *ptg.*

**Tuan Ooi Eng Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat berterima kasih kerana mendapat peluang berucap menyokong Usul Ucapan Terima Kasih yang dikemukakan oleh rakan saya Datuk Haji Abdul Razak Hussin untuk dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kerana ideanya yang begitu cemerlang melahirkan Buku Hijau. Sesungguhnya Buku Hijau ini adalah merupakan sebagai rakan kepada Buku Merah yang masyhur itu yang mana juga datangnya dari idea beliau. Tidak syak lagi bahawa Buku Hijau adalah bertujuan untuk mencapai maksud mencukupkan makanan sendiri bagi rakyat negara ini dan dengan itu dapat menjauhkan dari bahaya kelaparan pada masa yang akan datang. Sebagai yang kita ketahui di negara-negara lain masalah seperti itu sedang menjadi ancaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai pendapat bahawa cara melaksanakan rancangan Buku Hijau yang baru ini adakah berlainan dengan Buku Merah. Di peringkat Negeri dan daerah jentera pentadbiran mereka akan menerima beban kerja yang makin banyak sebagai tambahan kepada pekerjaan-pekerjaan rancangan Buku Merah. Dalam perkara ini, saya merasa kasihan kepada Pegawai-pegawai Daerah yang sedang terlibat secara langsung dalam melaksanakan kedua-dua rancangan ini. Saya merasa bimbang bahawa Rancangan Buku Hijau ini tidak akan dapat berjalan dengan lancar sekiranya jentera pentadbiran di peringkat Negeri dan daerah tidak dikuatkan dengan ditambah pegawai-pegawai dan kakitangan yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kerana Kerajaan Negeri sahaja akan menghadapi kekurangan wang di dalam anggaran tahun 1975, maka saya berharap dan merayu kepada Kerajaan Pusat untuk menimbang-kan dan memberi tambahan wang bantuan

(grant-in-aid) supaya rancangan yang terkandung dalam Buku Hijau itu dapat dilaksanakan dengan licin dan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin men-ventuh berkenaan perkara membaharui lesen perniagaan tahunan. Saya telah banyak menerima rayuan-rayuan daripada peniaga-peniaga kecil bahawa mereka telah didenda dengan cara compound, sebab mereka tidak membaharui lesen-lesen mereka itu dalam masa yang ditentukan dan bayaran compound yang besar telah dikenakan kepada mereka itu.

Sebagai kita semua maklum kebanyakan daripada peniaga-peniaga kecil itu adalah buta huruf dan mereka itu mencari makan untuk sesuap nasi sahaja dan pendapatan mereka pula kurang hanya cukup untuk memelihara keluarga mereka sahaja. Kebanyakan mereka tersangatlah miskin yang tinggal dalam pondok-pondok buruk. Bayaran compound yang dikenakan itu dengan kerana tidak menjaga, terlambat membaharui lesen perniagaan, tentulah memberi beban yang berat di atas keadaan hidup mereka yang sedang susah itu.

Pendaftar Perniagaan di dalam akhbar *Straits Times* bertarikh 16hb Mei, 1973 yang lalu telah menyatakan bahawa tanggungjawab membaharui lesen-lesen itu adalah terletak di atas pemegang-pemegang lesen itu sendiri. Tetapi berapa orangkah di antara peniaga-peniaga kecil itu dapat mengingat tarikh membaharui lesen mereka itu.

Oleh itu, saya dengan sesungguhnya berharap supaya pihak Kerajaan dapat menim-bangkan semula bagi mengeluarkan notis peringatan (reminder) sebelum sampai tarikh membaharui lesen masing-masing supaya dapat menarik perhatian pemegang-pemegang lesen itu dalam jangka masa yang berpatutan untuk mereka membaharui lesen mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyampaikan perasaan susah hati dari sebilangan besar warganegara negeri ini yang sedang memegang Sijil Kerakyatan secara Pendaftaran (Citizenship by Registration) lebih-lebih lagi mereka yang tidak dilahirkan di dalam Malaysia daripada mendapat border pass untuk pergi ke Haadyai atau Singgora.

Sepanjang yang saya faham warganegara yang dilahirkan di Malaysia dan yang telah tinggal selama tiga tahun di dalam negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu boleh memohon border pass untuk melawat bahagian selatan Thailand ke Haadyai dan Singgora. Tetapi malangnya Undang-undang Imigresyen yang ada sekarang tidak membolehkan pemegang-pemegang sijil kerakyatan seperti itu melawat ke tempat-tempat yang tersebut walaupun mereka itu telah tinggal di dalam empat buah Negeri itu lebih dari 10 tahun.

Oleh itu, saya berharap dan merayu kepada Kerajaan menggunakan jasa baik untuk mengkaji semula undang-undang Imigresyen yang ada sekarang supaya membolehkan warganegara jenis itu mendapat kemudahan seperti yang diberikan kepada warganegara Malaysia yang lain untuk mendapat border pass yang dimaksudkan, oleh kerana saya percaya pemegang-pemegang Sijil Kerakyatan secara pendaftaran ada juga warganegara kita yang sah dan berhak menurut pandangan dari segi undang-undang dan Perlembagaan negara kita.

Sungguhpun mereka itu boleh pergi ke selatan Thailand dengan menggunakan Passport Malaysia dan Visa, tetapi ini memerlukan banyak masa dan wang jika dibandingkan dengan border pass yang cuma boleh didapati daripada Pejabat-pejabat Imigresyen Tempatan dan lebih senang dan perbelanjaannya kecil. Saya berharap rayuan saya ini akan dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

5.40 ptg.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:** Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya di dalam menyampaikan ucapan terima kasih terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Apa yang hendak saya bayangkan yang sudah banyak saya sediakan hendak dibahaskan pada waktu ini, tetapi malang sekali semua telah diperbincangkan oleh saudara-saudara saya, perwakilan-perwakilan yang terdahulu dari saya. Andai-kata, saya ulang sekali lagi perkara itu tentu Tuan Yang di-Pertua mengetuk meja dengan memberi isyarat sudah diperkatakan oleh Ahli-ahli yang terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai orang yang baharu di dalam Dewan ini tentu ada mempunyai tanggungjawab yang penting kepada saya. Selama saya mengikuti dari awal yang saya pandang ialah ada perkara-perkara yang penting yang belum diperbincangkan oleh saudara-saudara saya, di antaranya kita sudah banyak memperkatakan dengan memberi teguran-teguran yang membina kepada pihak yang berkenaan. Bagi saya teguran yang membina itu saya anggap teguran yang baik, tetapi apa yang hendak kita carikan sekarang, kita mesti berfikir dengan fikiran yang waras di mana masyarakat, di mana rakyat telah memberi amanah yang penuh kesungguhan tenaga kepada kita. Kitalah orang yang bertanggungjawab sekarang terhadap masyarakat dan negara. Kita yang menjadi anggota Dewan di hari ini, kita mesti berani memperkatakan perkara yang hak dan benar. Apa yang mesti kita memberi teguran dan peringatan ialah kepada pihak yang berkenaan menggunakan sikap tegas di dalam menjalankan pemerintahan di hari ini.

Sekarang kita banyak dapat memerhatikan iaitu kita banyak dapat sungutan daripada rakyat sekeliling kita. Semuanya memberi teguran yang membina, tetapi apakah sebab yang boleh berlaku demikian ialah sikap tegas ini kita amat cuai sekali. Sebab itu, saya tekankan perkara yang penting hari ini bagi pihak kita yang menjadi anggota Dewan memberi kerjasama dengan pihak Kementerian-kementerian yang berkenaan gunakanlah sikap tegas. Apabila kita sudah membuat peraturan demi peraturan, kita jangan sanggup undur dari peraturan yang kita adakan itu.

Kedua, apa yang saya baca di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kalaulah kawan-kawan saya memandang perkara yang lain menjadi titik-berat, tetapi saya ada mengambil perhatian yang lebih berat dan penting di dalam Titah Ucapan, muka 4, di mana di dalam "Pembangunan ekonomi hendaklah juga disertai dengan pembangunan kerohanian terutamanya di kalangan muda-mudi." Bila disebut dan dibicarakan pembangunan kerohanian ini memang inilah yang menjadi pokok utama pegangan kita. Walau apa juga pembangunan yang hendak kita menyusun projek dengan mengadakan pembangunan itu dan ini, tetapi

pembangunan kerohanian yang meruntuhkan moral dan akhlak inilah yang saya pandang akan menjadi satu rintangan dan yang menjadi halangan di hadapan kita, tetapi yang ditekan di sini ialah pembangunan kerohanian utama di kalangan muda-mudi. Saya rasa bukanlah saya hendak membela muda-mudi ini, saya rasa orang yang muda-mudi ini bukan mereka sahaja yang rosak moral dan akhlak kalau tidak datang dari orang tua yang menjadi bapa dan ibu guru mereka. Sebab itu, kita jangan tekankan kepada muda-mudi sahaja, tetapi apa yang mesti kita fikirkan hari ini iaitu dari pihak yang berkenaan, mari kita cari dari sumber mana yang dapat melahirkan kerosakan moral, budi-pekerti yang boleh membawa keruntuhan moral dan akhlak dalam negara kita pada hari ini.

Saya telah memandang dari pandangan saya sendiri bahawa kita boleh membicarakan hanya menyusun untuk memperbaiki sahaja, tetapi kita tidak mencari sebab pokok yang merosakkan moral ini dari mana sumbernya. Saya rasa pokok keruntuhan moral dan akhlak ini masih lagi kita tidak tegas. Kita sendiri masih adakan di dalam acara-acara satu-satu keramaian ataupun satu-satu majlis perayaan, tetapi kita sendiri dari pihak yang berkenaan mengadakan satu-satu cara di dalam majlis itu yang membawa kepada kerosakan moral dan membawa kepada keruntuhan akhlak dan membawa kepada keinginan apa yang dikehendaki oleh muda-mudi kita, tetapi saya rasa kalau kita daripada pihak yang berkenaan dapat mengambil langkah sikap itu dengan tegas dan mengubah perkara-perkara yang menjadi pokok kerosakan moral ini. Insya Allah, pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengambil yang tegas ini, mudah-mudahan kita dapatlah memperbaiki akhlak dan moral ini dengan sewajarnya walaupun kita sudah ada badan dakwah, badan itu dan badan ini. Saya rasa tidak akan dapat berialan kalau tidak kita mengambil perhatian dengan sikap yang tegas.

Seperti contoh saya katakan, saya juga berterima kasih sebelum saya masuk menjadi anggota Dewan ini, sudah ada satu perkara yang segelintir baharu dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dari salah satu segi meruntuhkan moral dan akhlak ialah perkara mengadakan minuman keras. Ini alhamdulillah syukur, saya sambut baik kerana ini sudah ada sikap tegas di mana

sudah kita cuba memulakan bahawa perkara ini tidak akan kita adakan lagi di dalam majlis-majlis yang berkenaan, tetapi ada lagi beberapa perkara yang tidak sanggup lagi kita menghapuskan. Tidak payah saya sebutkan, kerana saya anggota yang baharu datang di dalam Dewan ini, tetapi saya faham tuan-tuan semua lebih matang dan lebih bijak dari saya, tentu lebih tahu apa benda-benda, pokok-pokok yang menjadi keruntuhan moral akhlak kita pada hari ini. Sebab itu, saya menyuarakan di dalam Dewan ini, perhatian dan sikap tegas hendaklah diambil oleh pihak berkenaan supaya perkara-perkara ini dapat dikurangkan; muga-muga pihak yang berkenaan ini dapat mengambil langkah dan sikap yang tegas ini, insya Allah, berlanjutanlah perkara yang baik itu dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada saya dengar suara daripada pihak kawan saya yang bercakap terdahulu dari saya mengenai siaran T.V. Ada Ahli yang menyuarakan banyak yang berlaku keruntuhan moral dan berlaku kemiskinan, pembunuhan itu dan ini. Tetapi, di manakah gurunya dan sumber yang menjadi pelajaran ialah siaran T.V. Ini juga kita mestilah menarik perhatian kepada pihak yang berkenaan. Di dalam rancangan penyiaran itu biarlah dicensor betul-betul; janganlah buku-buku yang masuk dari luar negeri sahaja yang hendak kita censor, tetapi segala filem-filem yang ditunjukkan di dalam siaran T.V. itu kita tidak ambil perhatian betul-betul, itulah guru yang utama kepada anak-anak kita, di mana mereka tidak payah berguru di sekolah lagi, tetapi melalui T.V. cukup gurunya. Ini juga pihak yang berkenaan mestilah mengambil perhatian yang kita menyuarakan di dalam Dewan ini.

Di dalam soal mata pelajaran di mana kita tahu kita baharu sahaja memulakan tahun baharu ini, maka ini juga sikap tegas yang kita minta kepada pihak Kementerian yang berkenaan. Kita mahu bumiputra duduk di tempat yang berkenaan, kita mahu bumiputra mengambil tempat yang penting, tetapi bagaimana? Sudah mereka belajar daripada tingkatan rendah sampai menengah, tetapi hendak melanjutkan pelajaran kepada peringkat universiti tidak dapat. Sebab-sebabnya tidak dapat saya hendak bentangkan di sini kerana masa dan waktu amat terbatas, tetapi saya rasa sidang dalam Dewan ini semua tentu faham, lebih-lebih lagi Tuan

Yang di-Pertua, sebab-sebab anak bumiputra kita tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti, maka ini hendaklah dibuat kajian dari pihak Kementerian Pelajaran juga.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memandangkan waktu 10 minit lagi jam 6.00 petang, kawan-kawan saya semua masih menggelisah, sebab menurut ilmu saikoloji kegelisahan mereka hendak bercakap sudah saya terbayang. Kalau begitu, cukuplah sekadar ini hendak saya perkatakan pada kali pertama saya bangun dalam Dewan ini.

5.50 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan kuat kepada rakan saya yang telah membawa usul mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda yang mana pada pendapat saya pendek tetapi berisi padat. Apa yang saya harap marilah kita bersama-sama menjalankan nasihat-nasihat Baginda itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh beberapa perkara dalam Titah Ucapan Baginda itu. Pertama, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, Perdana Menteri yang kita kasihi, kerana dengan kebijaksanaan beliau maka Barisan Nasional terjalin dan menang pula dalam pilihanraya yang lepas. Jasa beliau ini kita tidak boleh lupakan hingga bila-bila masa jua pun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan inflasi. Pada pendapat saya terserahlah kepada rakyat hal ini; jangan kita heboh-hebohkan berkenaan dengan inflasi. Kita masih ingat apa yang terjadi pada masa Jepun dahulu semuanya tidak ada. Segala barang-barang makanan dan pakaian tidak ada, melainkan kepada orang-orang Jepun sahaja, tetapi rakyat hidup juga. Sekarang pun kita dengar rakyat Malaysia tidak ada yang tidak makan. Saya katakan terserahlah kepada rakyat sendiri. Rakyat mesti bekerja keras menanam bahan-bahan makanan dan bekerja lebih kuat dari sekarang. Rakyat tidak boleh bersuka-suka sahaja lagi.

Dalam Titah Baginda itu ada menyatakan yang tanah kita banyak dan subur pula. Saya merayu kepada Kerajaan berilah rakyat

tanah untuk bercucuk tanam, bersawah dan berternak. Sekarang banyak rakyat meminta tanah untuk tanam sayur dan sebagainya, jangankan jawapan diberi samada permohonan itu sudah diterima atau tidak, tetapi jawapannya pun tidak diberi. Kalau rakyat dikerah dan diberi tanah untuk bercucuk tanam kita akan senang dan tidak payah lagi membawa barang-barang makanan daripada luar negeri. Saya juga hairan mengapa kita tidak cukup bahan-bahan makanan. Walhal belia-belia kita sudah diberi tanah, kita sudah ada Persatuan Peladang, tetapi apa sudah jadi pada tanah yang diberi kepada belia itu. Dan apa sudah jadi kepada peladang-peladang kita, saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap mulai daripada sekarang janganlah kita sebut-sebut lagi inflasi ini. Marilah kita bekerja keras, bersatu dan sembahyang, minta Tuhan menghidupkan segala bahan-bahan makanan yang kita tanam di negara kita ini supaya kita mewah dan hidup senang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang perumahan pula. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan dan saya berharap pembinaan rumah ini dapat disegerakan. Saya boleh tunjukkan tanah-tanah kosong di dalam Wilayah Persekutuan iaitu di Kampung Maxwell, Jalan Kuching, Kepong Bharu dan Segambut, tanah-tanah lombong di Batu Village dan Kinrara Petaling. Semua tempat ini boleh didirikan rumah untuk pekerja-pekerja yang kita kasihkan, kerana bergaji kecil dan askar-askar dan polis-polis kita.

Satu perkara lagi saya suka meminta kepada Kerajaan apabila memberi rumah ini biarlah kepada orang-orang yang betul-betul tiada berumah. Kita tidak mahu satu keluarga sekarang ini ada 5 hingga 6 buah rumah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya sedikit berdukacita berkenaan hal-ehwal agama tidak disentuh langsung. Saya perhatikan pada masa ini ajaran segala agama yang ada di negara ini tidak berjalan dengan tegas. Ajaran tinggal di kitab-kitab sahaja lagi. Kita tahu Agama Islam ialah Agama Rasmi Negara ini, tetapi orang-orang Islam sendiri tidak mengikutnya lagi. Anak-anak kita yang kita beri pelajaran percuma sudah

menentang kita, kerana ajaran agama tidak ada di dalam sanubari mereka. Begitu juga kita dengar rompakan di sana-sini berlaku tiap-tiap hari, anak-anak kita semuanya tidak tahu ajaran agama. Semua agama menyuruh kita berbuat baik kepada orang dan taat kepada Tuhan dan Negara. Orang kita yang berjalan di bandar-bandar setengah bogel, tidak malu, entah mana yang lelaki, entah mana yang perempuan—sama saja. Saya berharap kepada Kerajaan supaya menguatkan lagi ajaran agama yang ada di negara kita ini supaya rakyat menjadi baik dan mati kelak masuk syurga semuanya. Ini tanggungjawab kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan-pandangan saya terhadap Titah Ucapan Baginda itu.

5.55 *ptg.*

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Ahli baharu daripada Kelantan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya berucap sepatah dua kata kepada Majlis yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya usul Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin yang telah dikemukakan kelmarin.

Lawatan-lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke negara-negara seperti Bangladesh, India dan Pakistan dan lawatan tidak rasmi ke negara Saudi Arabia baharu-baharu ini adalah amat sesuai dengan keadaan zaman sekarang dan dengan dasar Kerajaan Kebawah Duli. Saya berharap satu rombongan Malaysia, jikalau perlu dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak Perdana Menteri kita sendiri dapat diatur bagi membuat lawatan rasmi ke negara-negara Timur Tengah, sebab negara-negara Timur Tengah ini telah menjadi negara-negara yang penting dari segi ekonomi rantau dunia. Dengan cara ini saya yakin, tentulah kita akan dapat mengadakan perdagangan, pelaburan modal usaha-bersama dan bantuan teknik, kerjasama di dalam bidang agama dan lain-lain dengan negara-negara tersebut. Tuan Yang di-Pertua, bidang pengeluaran dan pengedaran Petroleum dan Gas asli inilah yang amat diperlukan oleh negara kita pada masa sekarang ini.

Dalam bidang pelajaran pula, sukacitalah kami maklumkan bahawa sistem pelajaran kebangsaan untuk memenuhi keperluan pembangunan negara, kemajuan sains dan teknologi serta melahirkan warganegara yang berakhlak tinggi. Sebuah Jawatankuasa Kabinet telahpun ditubuhkan untuk maksud ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kejadian yang berlaku baru-baru ini saya rasa ragu dan saya suka bertanya, adakah pendidik akhlak khususnya di sekolah-sekolah rendah mencukupi? Adakah guru-guru dan ibubapa-ibubapa mementingkan pendidikan akhlak itu? Di sekolah-sekolah matapelajaran sivik hanya 45 minit sahaja seminggu. Ada setengah-setengah sekolah pula pada hari ini nampaknya berkehendakkan murid-murid lulus berbagai-bagai peperiksaan dan mendapat certificate sahaja atau merebut piala kejohanan di dalam sports meets yang lebih dipentingkan daripada meninggikan pendidikan kerohanian pelajar-pelajar kita. Saya berharap Jawatankuasa Kabinet yang tersebut itu dan juga ibubapa-ibubapa serta guru-guru sekalian haruslah menimbang dengan berat masaalah ini dan mencari jalan macam manakah sistem pelajaran kebangsaan kita akan dapat mewujudkan rakyat yang bersatu-padu, berdisiplin dan mempunyai semangat persaudaraan di antara satu sama lain; murid-murid pula bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara kita; pelajar-pelajar menghormati orang-orang tua, bersemangat patriotic dan sacrifice. Inilah yang hendak disegerakan pada masa ini untuk membina negara kita yang teguh, aman dan sejahtera.

6.00 *ptg.*

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang malafaskan sepatah dua kata menyokong Usul Ucapan Terima Kasih yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, pada Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat ini.

Pada masa perbahasan Titah Di-Raja, saya telah berpeluang memuji Kerajaan di bawah pimpinan yang cekap, Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussain yang telah memberi kita keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi selama 4 tahun yang lalu.

Dengan kejayaan-kejayaan yang cemerlang inilah, maka Barisan Nasional di bawah pimpinan Perdana Menteri kita telah dipilih dengan kemenangan yang besar dalam bulan Ogos, 1974.

Kerajaan baru yang telah diberi satu mandate yang penuh untuk meneruskan usaha-usaha yang telah lalu dan juga untuk membaharui usaha-usaha lagi dengan semangat yang lebih kuat. Dengan hal yang demikian, sekarang ini ada satu Kabinet Bertindak iaitu dalam tempoh empat bulan sahaja, walaupun di bawah tekanan stagflasi telah dapat mengelolakan negara kita ini dengan baik dan telah dapat mengadakan keadaan politik yang stabil dan perpaduan antara penduduk-penduduk dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyambung ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

*(Dengan izin)* Mr President, Sir, our economy, which has solely depended on the export of our primary commodities has, at present, been hit badly by the recession that is being felt by the rest of the world. However, our country is endowed with fertile land and rich natural resources with which, together with the dynamism and the resilience of our people, we shall overcome this period of stagflation.

I praise the Government for establishing Petronas which will deal with the development of the industries associated with petroleum and eventually bring about self-reliance in the field of fertilisers, raw materials for plastics and other commodities relating to the petroleum industry. It is in this field that I would urge the Government, through Petronas, to pay special attention to the development of the textile industry in relation to the petro-chemical industry. At present, because of the recession, a few of our textile industries are in trouble. However, I feel that there is a great potential in the textile industry in future especially after we have been able to ride out this storm of stagflation. We all well know that Japan is the biggest textile producer having a capacity to the tune of 13 million spindles whereas the rest of the world combined together has a capacity of only 6 million spindles. However, because of the oil crisis and not being able to meet its own oil requirements, Japan will most certainly release its spindle capacity in the near future. At a rough prediction, I

would say that Japan would and could shed away at least 3 to 4 million spindles. Now, this is a very big market indeed to corner. If we could make proper use of our petroleum industries and in conjunction with it set up more textile factories—it is heartening to note that our Prime Minister has just opened a big textile complex in Penang two weeks ago—it would help boost up our economy; and it is here that I would urge the Government to be brave by looking into the great future of the textile industry.

The textile industry is not a very capital-intensive industry but, above all, it is a labour-intensive one, and we must not miss this golden opportunity especially because we are an oil producing country ourselves; and together with our own work force, we could build ourselves up to be a big textile producing nation second only to Japan, not forgetting that there is a great market for textile products which, like food, everyone in the world would require.

I praise the Government for making efforts to encourage the use of local materials for construction such as timber and so on, so as to ensure that the prices of houses are low and that more houses are built at a faster rate. It is here that I would like to suggest to the Government to look into the building industry, based on timber materials as a whole complex, in association with the timber industry. At the present moment, because of the recession in other parts of the world . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya suka hendak mengingatkan masa sepuluh minit sudah cukup.

**Dr Lim Keng Yaik:** Kalau masa sudah cukup, saya ucapkan terima kasih, dan saya akan menyambung ucapan saya dalam perbincangan Belanjawan kelak.

6.10 ptg.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan saya minta lebih dua minit daripada sepuluh minit yang ditetapkan oleh kerana saya seorang sahaja Pembangkang dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, erti Pembangkang bukanlah satu perkataan yang sombong,

tetapi dalam sebuah negara kita perlu mendengar second opinion kepada Kerajaan, kita tidak mahu mendengar orang-orang yang menyokong sahaja. Kita mendengar orang yang membangkang.

Buat pertama kali, saya suka hendak bertanya kepada Kerajaan bahawa Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya faham dibuat dalam Bahasa Kebangsaan (bahasa Melayu) dan bahasa Inggerisnya diterjemahkan. Dan terjemahan ini bukanlah salah, sebab kalau hendak di sebut salah, barangkali orang mengatakan saya tidak mempunyai authority, tetapi dalam bahasa Melayunya ini hendak dikatakan bohong, tidaklah patut kita tidak tahu bahawa "*mencapai mercu kebahagiaan*", kemudian daripada itu "dan taraf hidup yang lebih tinggi" manakala dalam bahasa Inggerisnya tidak ada mercu kebahagiaan tetapi yang ada adanya ialah "would achieve a higher standard of living". Jadi "mercu kebahagiaan" ini dalam bahasa Inggeris barangkali 'peak of the happiness' dan dalam bahasa Arab "Qimmatul Saadah".

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ucapan ini boleh mengabui orang-orang yang membaca Bahasa Kebangsaan, kerana ini adalah berlainan. Sebab itu, saya dapati ada pertentangan di dalam ucapan antara orang-orang yang membaca version Inggeris dengan yang membaca bahasa Melayu. Ini satu perkara yang besar yang di dalam Dewan ini kita tidak patut membiarkan perkara yang semacam ini. Kita tidak mahu Dewan Negara ini menjadi "rubber stamp" sahaja, apa yang dibuat, kita ikut sahaja. Dan saya dapat tahu ada rakan saya yang tidak ada langsung text Titah Ucapan ini; dengan itu dia tidak dapat membezakan. Ini satu perkara yang saya rasa patutlah kita jadikan satu ingatan dan kita minta Kerajaan bertanggungjawab di atas perkara ini.

Yang kedua, bila saya baca di dalam Titah Ucapan ini, saya dapati matlamat kita "ialah menuju ke arah berdikari dalam serba segi." Maknanya kita hendak berdiri sendiri, kesemuanya di dalam self sufficiency dalam soal makanan, pertahanan dan bermacam-macam lagi. Tetapi target yang kita hendak pergi ini mestilah disokong dengan rancangan-rancangan, dan rancangan-rancangan ini meskipun tidak dimasukkan di dalam semua ucapan ini, tetapi kita dapati ia tidak dapat menggambarkan bahawa

target atau matlamat kita dapat dicapai. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kita menjerit di dalam Dewan ini mengatakan pelajaran tidak baik, akhlak tidak ada dan bermacam-macam, tetapi kita tidak sedar ataupun kita berpura-pura tidak sedar bahawa pelajaran di negara kita ini National curriculum pun tidak ada, apa yang ada ialah syllabus. Tuan Yang di-Pertua, sekarang baru ada satu Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan. Bagaimanakah kita hendak draw satu syllabus daripada satu curriculum yang does not exist—tidak ada. Di sini ada seorang Pensyarah daripada Universiti Malaya menjadi Senator; barangkali saya percaya beliau boleh menyokong saya dalam perkara ini (*Ketawa.*)

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penyelidikan. Kita ada Buku Hijau. Saya menyokong Buku Hijau kerana semasa pilihanraya baru-baru ini simbol saya memang "Buku Hijau," sudah lama saya nampak "Buku Hijau" patut dibuat sebelum pilihanraya lagi. Isinya barangkali berlainan.

Yang saya hendak sebutkan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat hendak menjalankan kehendak Buku Hijau ini, kalau kita hendak katakan green revolution sekalipun, kecuali kalau kita sudah menyasat, membuat research berkenaan dengan kemasabahan bumi iaitu soil suitability. Bagaimana kita hendak menjalankan sedangkan report daripada Jawatankuasa ini belum ada lagi. Apa yang ada baru-baru ini hanyalah diadakan satu seminar yang semata-mata dapat menceritakan dari segi tanaman yang cepat (cash crops) iaitu yang dikemukakan bagi beberapa tanaman misalnya, jagung dan sayur-sayuran. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apabila diminta suatu contoh projek supaya dapat rakyat menjalankan, saya dapat satu contoh yang bertulis di dalam report MARDI iaitu modal \$48,000 dalam masa 4 bulan buat kerja mendapat untung \$1,600. Jadi bagaimanakah rakyat boleh menjalankannya. Kalau orang itu mempunyai modal \$10,000 berapakah untung mereka boleh dapat dan manakah ada rakyat yang boleh mengeluarkan modal \$10,000. Kalau dia boleh mengeluarkan \$10,000 di kampung, dia tidak akan bertanam cucuk, tentu dia masuk di dalam lapangan business ataupun perkara-perkara yang lain. Ini sebagai satu contoh dan saya

berani challenge Kerajaan supaya menunjukkan satu projek yang rakyat boleh menjalankannya. Saya tidak tahu kalau disembunyikan, tetapi tidak patutlah disembunyikan begitu, sedangkan saya dapat tahu kita di dalam Dewan ini tidak pernah dapat buku statistics. Kalau ada kita kena membeli \$2. Dewan kita Dewan yang tertinggi (Upper House) pun tidak dapat. Jadi masing-masing bercakap. Kalau saya tidak bercakap, saya bimbang Ahli-ahli Yang Berhormat fikir saya bodoh, tetapi kalau saya bercakap, saya lebih bimbang Ahli-ahli Yang Berhormat akan confirm saya bodoh pula.

Saya hendak menceritakan bahawa statistics ini perlu bagi Ahli-ahli Dewan Negara supaya kita dapat mengeur Kerajaan dengan angka (facts and figures). Jikalau tidak hanya kita merayu kepada Kerajaan dan Kerajaan pun mendengar rayuan dan meminta tolong; kita menyokong tetapi kita sendiri pun tidak tahu. Jadi sebagaimana kata sahabat kita tadi payah-payah sangat kita sembahyang meminta Tuhan banyakkkan segala rancangan-rancangan dan tambahkan pokok tumbuh-tumbuhan dengan banyak, barang mahal jadikan murah, orang sakit jadikan sehat, baju tidak ada jadikan ada, yang tua jadikan muda balik (*Ketawa*) dan macam-macam lagi kita minta.

Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit lagi iaitu berkenaan dengan perhubungan kita dengan luar negeri. Kita patut siasat balik dasar luar negeri kita berkenaan Kedutaan-kedutaan kita di Afrika yang dibentuk dahulu kerana konfrantasi, kerana kita berkonfrantasi dengan Indonesia. Jadi kita hendak melawan konfrantasi itu, maka kita tubuhkan Kedutaan-kedutaan di negeri-negeri yang walaupun kita nampak belum sampai masanya, tetapi semata-mata kita hendak menentang konfrantasi itu, maka kita tubuhkan tetapi sekarang ini konfrantasi tidak ada dalam negara ini, lagi pun National Front sudah sapu semua kerusi dalam pilihanraya yang lepas. Saya lawan daripada A sampai Z pun kalah (*Ketawa*). Jadi ertinya politik kita sudah stable. Oleh itu kita patutlah meletakkan Kedutaan-kedutaan kita itu di negeri-negeri yang sesuai. Ini penting kerana dari segi perhubungan trade, misalnya, kita dapati ada negeri yang membeli barang dari negeri kita ini pada tiap-tiap tahun lebih daripada \$60 juta dan kita tidak pula beli langsung daripada mereka. Ada se-

tengah negara itu menghantar Duta di sini, tetapi kita tidak hantar. Ini kesemuanya boleh menimbulkan rasa yang tidak baik dalam hubungan ekonomi.

Yang akhirnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sebut ialah berkenaan dengan kedudukan perdagangan kita iaitu kalau kita perhatikan perdagangan kita kebanyakannya barang-barang kita ini di beli oleh Singapura, sedangkan Singapura tidak menggunakannya dia memberi kepada orang lain. Mengapa pula kalau dahulu Singapura itu menjadi port of call kepada kita, tetapi sekarang ini dia sudah menjadi sebuah negara lain, mengapakah pula kita tidak boleh menjual secara langsung kepada negar-negara itu? Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, getah dan kelapa sawit diekspot ke Singapura, kemudian Singapura mengekspotkan pula. Jadi 1/3 daripada export kita melalui Singapura.

Ada satu perkara yang ajaibnya ialah sebuah negeri di Lautan Mediterranean dapat membeli minyak kelapa sawit daripada negeri Jepun lebih murah daripada dia dapat membeli daripada Malaysia. Saya cuba memerhatikan adakah ini kerana barter trade di antara kedua buah negara itu, maka dia dapat harga murah, dan dia tidak ada barter trade dengan kita; dia membeli dengan cash. Ini dunia ketawakan, Tuan Yang di-Pertua. Negeri yang mengeluarkan jual lebih mahal daripada orang yang membeli. Ini satu contoh yang saya hendak beri kepada Tuan Yang di-Pertua supaya Tuan Yang di-Pertua memikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita meminta rakyat kita supaya menggunakan bahan-bahan kita sendiri daripada kita impot barang (commodity) daripada luar negeri, saya ambil satu sahaja perkara; kerana masa pun sudah cukup, iaitu negeri Malaysia kita ini ialah yang mengeluarkan getah yang paling banyak dalam dunia. Dalam tahun 1974 sahaja kira-kira 1,680 tan getah asli yang kita keluarkan, yang kita gunakan di Malaysia ini 30% sahaja, tetapi kita pula banyak membeli getah-getah tiruan daripada negara-negara lain. Ini pun, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita tidak membuka factory dan kita tidak memberi peluang kepada bumiputra kita proses benda-benda yang semacam itu maka kita yang mengeluarkan susu, tetapi orang lain yang memakannya atau orang lain yang mendapat nikmatnya.

Tuan Yang di-Pertua, yang mendukacitakan kita ialah berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh sahabat saya di sebelah kiri tadi iaitu kita tidak mendapat bantuan daripada bank-bank dalam negeri ini. Dalam negara kita mengikut rekod yang tercatat ada 35 buah bank. 17 buah yang diasas dalam negeri ini dan 18 buah daripadanya luar negeri. Failnya ada di sini. Jadi bagaimana bank yang memegang velocity bagi currency kita ini, 18 buah tapaknya di luar negeri, 17 buah dalam negeri kita dan yang 17 buah itu pula diberi amanah supaya menolong orang-orang di luar bandar. Bank biasanya terletak di pekan. Kalau begitu orang-orang di luar bandar tidak dapat hendak menggunakan kemudahan bank ini selain daripada Bank Bumiputra, Chartered Bank dan Malayan Banking. Yang lain semuanya tidak dapat, sebab mereka tidak tinggal di tempat bank itu berada. Ini bukan bermakna mereka tidak ada wang, tetapi hendak dikatakan lengah Kerajaan pun tidak dapat saya hendak katakan.

Kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang, saya berharap supaya bertanggungjawab berkenaan dengan terjemahan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Bahasa Kebangsaan kepada bahasa Inggeris dalam mana di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Bahasa Malaysia ini tersebut "Mercury Kebahagiaan", tetapi di dalam bahasa Inggerisnya tidak ada. Ini bermakna buang langsung. Ini bukan satu perkara kecil. Meninggalkan, to omit and to act sama sahaja. To omit is an action; to act is an action—this is an omission (*Ketawa*) Jadi, saya minta lawyer dan pegawai kita bertanggungjawab dalam perkara ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya memberi masa lebih kepada Yang Berhormat kerana telah mengakui sebagai Ahli Pembangkang.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Terima kasih.

6.22 ptg.

**Datuk Mansor bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, menurut program ataupun agenda yang telah ditetapkan, perbahasan atas Titah Ucapan Di-Raja ini ditetapkan tiga hari,

tetapi hari ini ditetapkan dua hari pula. Saya rasa barangkali kalau boleh patutlah disempurnakan sebagaimana yang tercatat dalam Agenda Mesyuarat kita dan juga kerana masih ramai lagi saudara-saudara saya yang hendak bercakap sepatah dua kata dan lagi kadang-kadang oleh kerana takut menunggu arahan itu, bercakap pun sudah tidak tentu arah lagi, yang mana hendak didahulukan dan yang mana hendak dikemudiankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil peluang menyokong dengan sepenuhnya Usul yang dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak Hussin pada petang semalam, iaitu mengucapkan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di samping kita juga mengkaji segala perkara dan segala kejadian yang telah berlaku di negara kita sepanjang tahun 1974 yang lalu, maka tentulah dengan tidak syak lagi kita semua mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu wataala di atas keselamatan negara kita dan di atas kejayaan pemimpin-pemimpin kita membimbing negara menuju ke matlamat kejayaan walaupun kita terpaksa melalui berbagai-bagai halangan dan rintangan termasuklah berkenaan dengan kenaikan harga barang-barang dan juga berkenaan dengan perkara-perkara yang lain mengenai dengan rakyat di negara ini. Bila kita mengkaji semua perkara-perkara ini tentulah kita tidak dapat tidak akan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pemimpin agong kita iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang di bawah pimpinan beliau maka negara kita telah mencapai kejayaan yang cemerlang sebagaimana yang kita hadapi pada masa sekarang ini. Maka dengan keadaan inilah kita berasa sangat-sangat dukacita apabila kita memikirkan ataupun apabila kita melihat akan kejadian-kejadian yang berlaku tidak berapa lama dahulu iaitu pada bulan yang lepas berhubung dengan tunjuk perasaan oleh penuntut-penuntut universiti yang telah menuduh kononnya Kerajaan telah gagal memimpin negara dan rakyat ini kepada kebahagiaan, dengan menuduh mengatakan rakyat mati kebuluran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebagaimana yang kita telah ketahui bahawa penuntut-penuntut kita adalah di ibaratkan

sebagai budak-budak mentah, barangkali kita tidak boleh menyalahkan mereka dengan sewenang-wenang. Mereka telah dibawa dan telah disalah ertikan oleh anasir-anasir yang tidak diinginkan bagaimana yang telah kita ketahui bersama daripada kandungan isi Kertas Putih yang telah dibentangkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Maka di sini saya juga tidak lupa mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah berjaya membendung merebaknya demonstrasi yang telah diadakan oleh penuntut-penuntut yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana telah nyata bahawa adanya hasutan-hasutan luar, dengan adanya penahanan beberapa orang pensyarah pusat-pusat pengajian tinggi kita ini, saya berharap kepada pihak Kerajaan janganlah sekali-kali berlemah lembut dengan pensyarah-pensyarah itu. Kepada penuntut-penuntut, biar kita berlemah lembut, kerana mereka adalah sebagai saya katakan tadi ibarat kain putih yang masih **bersih**, boleh diwarna-warnikan, tetapi pensyarah-pensyarah yang mempunyai tanggungjawab yang penuh, mempunyai kesedaran yang penuh dan mereka mengetahui dengan sebenar-benarnya keadaan-keadaan di sekitar tanahair kita ini, tetapi mereka sengaja hendak memburuk-burukkan Kerajaan dengan tujuan-tujuan yang tertentu. Saya harap walaupun ada tekanan supaya mereka ini dilepaskan, seelok-eloknya jangan dilepaskan, biarlah mereka ditahan, bersepadanan dengan perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab itu. Tetapi dalam masaalah ini, saya

berasa sedikit kesal berhubung dengan tindakan setengah-setengah Badan-badan Belia yang dengan tidak semena-semena, dengan tidak tentu hal telah menarik diri daripada Majlis Belia Malaysia. Pada hal daripada kenyataan-kenyataan yang kita lihat Majlis Belia Malaysia tidak terlibat dengan secara langsung melainkan dua tiga orang pemimpin-pemimpinnya sahaja. Pada pendapat saya kalaulah dua tiga orang pemimpin-pemimpinnya sahaja yang terlibat, maka buanglah mereka yang terlibat ini, jangan pula perpaduan dalam Pertubuhan Majlis Belia itu dirosakkan. Serupalah kalau kita tidak bersetuju dengan satu-satu badan, jangan kita lari, kita hukuman mereka yang bersalah. Saya mengucapkan tahniah di atas ketegasan yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Tuan Sanusi bin Junid kelmarin yang menyatakan pendiriannya pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ramai lagi Ahli-ahli yang ingin hendak bercakap, pihak Kerajaan bersetuju membenarkan Ahli-ahli menyambung ucapan esok hingga pukul 4.30 petang (*Tepuk*). Pihak Menteri akan menjawab selepas waktu rehat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sekarang sehingga pula 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*